



Faculty of Applied and Creative Arts

**PENGKOMERSIALAN KRAFTANGAN ANYAMAN BAKUL
TRADISIONAL ETNIK MELAYU DI KAMPUNG PENGKALAN
GELAP DI TERENGGANU**

MOHAMAD NORFADLI BIN MOHAMMAD

(42137)

Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2016

**PENGGOMERSIALAN KRAFTANGAN ANYAMAN BAKUL
TRADISIONAL ETNIK MELAYU DI KAMPUNG PENGKALAN
GELAP DI TERENGGANU**

MOHAMAD NORFADLI BIN MOHAMMAD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- ☐ **CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- ☐ **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- ☒ **OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follow:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's Signature: _____ Supervisor's signature: _____

Current Address:

No 62 Kampung Kubang Ikan, 22200 Besut, Terengganu

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report ☒

Masters ☐

PhD ☐

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2016.

Student's Declaration:

I **MOHAMAD NORFADLI BIN MOHAMMAD, 42137, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled **PENGKOMERSIALAN KRAFTANGAN ANYAMAN BAKUL TRADISIONAL ETNIK MELAYU DI KAMPUNG PENGKALAN GELAP DI TERENGGANU** is my original work. I have not copied from any student's work or any other sources except where due reference or acknowledge is made explicitly in the next, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Mohamad Norfadli Bin Mohammad (42137)

Supervisor's Declaration:

I **ANDREAS SUDJUD DARTANTO** hereby certifies that the work entitled **PENGKOMERSIALAN KRAFTANGAN ANYAMAN BAKUL TRADISIONAL ETNIK MELAYU DI KAMPUNG PENGKALAN GELAP DI TERENGGANU** was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial / full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONORS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____

Andreas Sudjud Dartanto

Date: _____

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pengkormesialan Kraftangan Ayaman Bakul Tradisional Etnik Melayu Di Kampung Pengkalan Gelap Di Terengganu** telah disediakan oleh **Mohamad Norfadli Bin Mohammad** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Andreas Sudjud Dartanto)

Tarikh:

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa projek Tahun Akhir bertajuk “**Pengkomersialan Kraftangan Anyaman Bakul Tradisional Etnik Melayu Di Kampung Pengkalan Gelap Di Terengganu**” ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya telah nyatakannya.

.....

Tarikh

.....

(MOHAMAD NORFADLI BIN MOHAMMAD)

No.Matrik:42137

Bismillahirrahmanirrahim

Allhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah saya siapkan kajian ini dengan jayanya seperti mana yang dikehendaki walaupun menghadapi pelbagai rintangan yang mendatang serta halangan terutama semasa melakukan penyelidikan untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Oleh itu, sesungguhnya saya amat bertuah dan berbangga kerana diberi peluang untuk menjejakkan kaki ke UNIMAS dan peluang yang diberikan untuk menimba ilmu dalam jabatan Seni Liberal amat berbangga dan cukup bernilai sekali bagi diri saya.

Seterusnya, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah dan selaku penyelia saya iaitu En. Andreas Sudjud Dartanto di atas nasihat, bimbingan dan teguran yang beliau berikan kepada saya sejak mula kajian ini berlangsung sehingga kajian ini tamat dijalankan. En.Andreas Sudjud Dartanto, segala tunjuk ajar saya hargai sangat-sangat. Justeru itu, terima kasih yang tidak sehingga saya ucapkan tidak lupa juga kepada

buat semua pensyarah Jabatan Seni Liberal iaitu Miss Karen Andrey Samy, Dr.Noria Tugang, Dr.Donna Qistina, Puan Rahah, En. Azhar, En.Mazdan, En.Fahmi, En.Alex di atas segala nasihat, teguran dan bimbingan yang diberikan selama saya menjalankan kajian ini. Dengan ini, jasa kalian semua hanya Tuhan bisa membalasnya. Semoga kalian semua sentiasa di rahmati oleh Allah S.W.T.

Di samping itu, tidak lupa juga kepada keluarga tersayang iaitu ayahanda Mohammad Bin Salleh dan bonda Rahmah Binti Yakob dan seluruh ahli keluarga yang tercinta tidak terhingga diucapkan atas semangat dan kata dorongan yang diberikan sepanjang pengajian anakanda mu ini di menara gading. Segala susah payah kalian berdua anakanda akan hargai sampai bila-bila.

Selain itu, buat sahabat-sahabat seperjuangan Tahun Tiga Pengurusan Seni, sokongan, nasihat, kata-kata semangat dan bantuan yang diberikan oleh kalian semua sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada saya sepanjang menyiapkan PTA ini tidak akan lupakan. Oleh itu, terima kasih diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sahabat-sahabat yang di atas kesabaran dan ketekunan dalam membimbing serta tunjuk ajar sepanjang saya berada di UNIMAS iaitu selama tiga tahun pengajian saya. Semangat dan kata-kata nasihat daripada sahabat-sahabat akan sentiasa tersemat di hati saya.

Akhirnya, tidak lupa juga kepada Pn. Maimunah binti Muhammad iaitu pengusaha Nipah Craft Collection yang merupakan informan di ucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kepada saya. Tanpa beliau kajian saya tidak akan berjaya sepenuhnya. Saya doakan semoga industri Nipah Craft Collection terus berjaya dan maju di bawah pengurusan Pn. Maimunah.

SENARAI

MUKA SURAT

TAJUK KAJIAN	i
PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN	ii
PENGAKUAN	iv
PENGAKUAN PELAJAR	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	x
JADUAL RAJAH	xvii
SENARAI RAJAH	xvii
AKRONIM	xviii
ABSTAK	xix
<i>ABSTRACT</i>	xx

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan Bab	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1-4
1.3 Definisi	4
1.3.1 Definisi Anyaman	4
1.3.2 Definisi Kraftangan	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Permasalahan Kajian	6-7
1.6 Objektif Kajian	8
1.7 Persoalan Kajian	8
1.8 Hipotesis Kajian	9
1.9 Kepentingan Kajian	10

1.9.1 Kepentingan kepada pengkaji sendiri	10
1.9.2 Kepentingan kepada masyarakat	10-11
1.9.3 Kepentingan kepada pengkaji masa datang	11
1.9.4 Kepentingan kepada institusi pendidikan	11
1.10 Limitasi Kajian	12
1.10.1 Masa	12
1.10.2 Jarak	13
1.10.3 Informasi	13-14
1.10.4 Batasan Informan	14
1.11 Kesimpulan Bab	15

BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	16
2.2 Kandungan Umum	17
2.3 Definisi Etnik	18
2.4 Definisi Melayu	19
2.5 Definisi Kebudayaan	20
2.6 Definisi Anyaman	20-21

2.7 Definisi Motif	21-22
2.7.1 Motif dari Alam Semula jadi	22
2.7.2 Persepsi Kontemporari Terhadap Motif	22
2.8 Pengkomersialan Kraftangan	23-24
2.9 Keindahan Dalam Kraftangan	24
2.10 Keterampilan dalam Pembuatan Kraftangan Anyaman Bakul	25
2.11 Segi Keunikan Corak Anyaman pada Bakul Menentukan Nilai	26
2.12 Sejarah Perkembangan Anyaman	27
2.13 Promosi	28
2.13 Masalah dan Cabaran	29
2.14 Kesimpulan Bab	30

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan	31
3.2 Lokasi Kajian	31-33
3.3 Data Sekunder	33-34
3.4 Data Primer	35
3.5 Teknik Pengumpulan Data	36

3.5.1 Kaedah Kualitatif	37
3.5.2 Kaedah Pemerhatian	37-38
3.5.3 Kaedah Dokumentasi	38-39
3.5.4 Temu bual	39-41
3.6 Instrumen Kajian	42
3.6.1 Perakam Suara	42
3.6.2 Kamera Digital	42
3.6.3 Komputer dan Peralatan Menulis	43
3.7 Kesimpulan	43

BAB 4: ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	44
4.2 Menganalisis Data	45
4.2.1 Mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional	46-47
4.2.2 Mengenal pasti punca masyarakat muda kurang berminat Mempelajari seni anyaman bakul tradisional	48-50

4.2.3 Mengenal pasti sejarah dan aktiviti anyaman bakul	51-53
Di Kg Pengkalan Gelap	
4.2.4 Menganalisis jenis-jenis dan fungsi bakul serta teknik	54-71
Pembuatannya dari awal pembuatan hingga ke hari ini	
4.2.5 Analisis sistem pemelihara bakul dari awal pembuatan	72-74
Sehingga hari ini	
4.2.6 Mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha Nipah Craft	75-78
Collection dalam mengkomersialkan anyaman bakul tradisional	
4.3 Analisis cabaran dalam mempromosikan bakul tradisional	78-79
Pada hari ini	
4.4 Hasil dapatan kajian	80-81
4.5 Kesimpulan	81

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	82
5.2 Rumusan	83-85
5.3 Cadangan	85

5.3.1 Mengadakan pengiklanan dalam media cetak	86
5.3.1.1 Mengiklankan pengkomersialan kraftangan anyaman bakul	86-87
Tradisional di Terengganu dalam surat khabar yang berbahasa	
Melayu dan Bahasa English	
5.3.1.2 Pengiklanan melalui poster	88-89
5.3.1.3 Penggantungan <i>bunting</i> di sekitar negeri Terengganu	89
Terutama daerah setiu	
5.3.2 Pengiklanan melalui media elektronik	90
5.3.2.1 Mengiklankan pengkomersialan kraftangan anyaman	90-91
Bakul tradisional dalam media elektronik seperti	
Televisyen dan radio	
5.3.2.2 Nipah Craft Collection Perlu mengadakan promosi melalui	91-93
Teknologi maklumat iaitu laman web secara meluas	
5.3.4 Bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan pusat	93-94
5.3.5 Menghasilkan bahan-bahan rujukan iaitu buku, majalah, risalah	95-96
dan juga jurnal yang berkaitan dengan produk kraftangan	
syarikat Nipah Craft Collection.	
5.3.6 Perlu mengadakan pakej agensi pelancongan bagi kursus dalam	96-97

Pembuatan kraftangan bakul tradisional di Nipah Craft Collection	
5.3.7 Pihak Nipah Craft Collection perlu menghasilkan pelbagai jenis produk kraftangan selain bakul tradisional	97-98
5.3.8 Dari segi pengurusan sumber di syarikat Nipah Craft Collection	98-99
5.3.9 Nipah Craft Collection perlu mengadakan pameran tentang Kelebihan produk kraftangan bakul tradisional di institusi Pendidikan tinggi iaitu di IPTA serta IPTS	99-100
5.4 Cadangan untuk kajian akan datang	101-102
5.5 Kesimpulan	102-104
Senarai Rujukan	105-106
Lampiran	107
Bahagian A	107-108
Bahagian B	109-113
Bahagian C	114-118

JADUAL RAJAH**MUKA SURA**

1. Pengumpulan Data Dan Maklumat	36
2. Senarai Informan	45

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

1. Pete Pengusaha Nipah Craft Collection	32
2. Peta Keseluruhan Negeri Terengganu	33
3. Informan Bersama Produk kraftangan	55
4. Jenis-jenis Produk Kraftangan	56
5. Barang-barang Yang Diperlukan Untuk Membuat bakul	66 -67
6. Informan Sedang Menganyam Bakul tradisional	68
7. Pengkaji Sedang Memotong Bahagian Hujung Lidi Nipah	69
8. Produk Kraftangan Bakul Tradisional Yang Telah Siap	71

Akronim

IPTA-Institusi Pendidikan Tinggi Awam

IPTS-institusi pendidikan Swasta

KEJORA-Lembaga Kemajuan Johor

PKMA-Pusat Khidmat Maklumat Akademik

PKKMCT-Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri
Terengganu

PKMMCJ - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri
Johor

RTM-Radio Televisyen Malaysia

TTC-Terengganu Tourism Centre

SDSI- Satu Daerah Satu Industri

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan mengenai “Pengkomersialan Kraftangan Anyaman Bakul Tradisional Etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu untuk mengenal pasti sejarah, aktiviti, fungsi, jenis, dan teknik yang digunakan semasa menghasilkan dan juga dalam pengkomersialan produk. Selain itu, meneliti jenis bahan dan kaedah yang digunakan dalam proses pembuatan produk kraftangan di Nipah Craft Collection sejak dari awal penubuhan syarikat itu sehingga sekarang. Seterusnya, kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Melalui hasil dapatan kajian membuktikan wujudnya sistem pengurusan sumber manusia, kewangan dan pemasaran produk kraftangan anyaman.

ABSTRACT

The study was conducted on "Commercialization of Traditional Handicrafts Wicker baskets Ethnic Malays in Kampung Pengkalan Gelap at Terengganu to identify the history, activities, functions, types, and techniques used during manufacturing and also in product commercialization. In addition, research materials and methods used in the process of making handicraft products in Nipah Craft Collection since the beginning of the establishment of the company until now. Next, the method used was qualitative methods. Through the findings prove the existence of the system of human resource management, finance and marketing craft products.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam Bab ini, pengkaji membincangkan tentang kajian pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tradisional etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Selain itu juga pengkaji sedaya upaya untuk menjelaskan tentang yang terdapat dalam penyelidikan yang dilakukan. Seterusnya, melalui Bab ini juga pengkaji ingin mengetahui secara terperinci lagi tentang tajuk yang bakal dikaji. Oleh itu tajuk kajian yang ingin di kaji oleh pengkaji adalah berkaitan dengan skop kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan lain-lain.

1.2 Latar Belakang Kajian

Anyaman merupakan seni tradisi yang tidak mempunyai pengaruh dari luar. Perkembangan Sejarah anyaman adalah sama dengan perkembangan seni tembikar. Kebiasaannya, antara bahan-bahan asas yang digunakan bagi menghasilkan anyaman adalah terdiri daripada akar dan rotan. Menurut Siti Zainun dalam buku Reka bentuk kraftangan Melayu tradisi menyatakan pada zaman pemerintahan Long Yunus (1756-94) di negeri Kelantan, penggunaan anyaman digunakan oleh raja. Anyaman tersebut dipanggil ‘Tikar Raja’ yang diperbuat daripada pohon bemban.

Selain itu, hanya terdapat beberapa negeri sahaja yang masih aktif menjalankan kegiatan seni anyaman sehingga kini. Antaranya negeri yang masih menjalankan seni anyaman ialah di Negeri Terengganu iaitu di daerah Rusila, Dungun, Kampung Ru Renggoh, Kampung Kijing, Cendering dan Kuala Ibai. Di samping itu juga, selain Negeri Terengganu menjalankan aktiviti seni anyaman adalah negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka, Sarawak dan Sabah. Dengan ini pengkaji telah memilih Negeri Terengganu iaitu Kampung Pengkalan Gelap sebagai lokasi kajian seni anyaman.

Seterusnya, Negeri Terengganu merupakan sebuah negeri yang kaya dengan keunikan kesenian dan dari segi ekonomi serta menjadi salah satu tempat pelancongan yang popular di Negara ini. Tidak hairanlah kebanyakan masyarakat di Terengganu menjalankan aktiviti perindustrian kraftangan yang mempunyai kepelbagaian produk kraf yang dihasilkan untuk dijadikan sebagai pendapatan utama bagi rakyat di negeri tersebut. Dalam bidang kraftangan Terengganu mula mencipta nama iaitu pada keunikan dari segi penghasilan produk seni yang berbagai telah menarik minat masyarakat terutama produk seni anyaman. Antara tempat yang menjadi perindustrian seni anyaman ialah di Kampung Pengkalan Gelap, Terengganu adalah merupakan sebuah institusi yang masih aktif dan popular dengan keunikan hasil pembuatan anyaman bakul di Terengganu. Nama institusi tersebut ialah dikenali Nipah Craft Collection. Keunikan kraftangan yang dihasilkan di institusi ini ialah menghasilkan kraftangan yang pelbagai saiz serta mempunyai pelbagai fungsi kegunaan mengikut sesuatu produk kraf.

Oleh itu, tidak hairanlah seni anyaman pada asalnya milik masyarakat Melayu yang dikagumi dan digemari hanya sesetengah masyarakat sahaja pada masa kini. Kegiatan seni anyaman telah bermula sejak zaman dahulu lagi. Hal ini boleh dilihat pada rumah masyarakat terdahulu iaitu terdapat pada dinding rumah mereka yang dianyam dengan buluh serta kehalusan seni anyaman itu. Anyaman merupakan seni kraf sejagat Malaysia wujud sejak 300 ratus tahun yang lampau. Contoh seni anyaman yang selalu dihasilkan oleh masyarakat dengan kreativiti dalam menghasilkan kraftangan anyaman terserlah melalui penghasilan bakul, bekas serba guna, tikar yang mempunyai keunikan dan kesenian yang tersendiri.

Justeru itu, melalui pandangan pengkaji kajian ini dijalankan di Nipah Craft Collection adalah untuk mengetahui sejarah seni anyaman serta aktiviti anyaman bakul dalam pembuatan produk anyaman bakul di Kampung Pengkalan Gelap melalui institusi ini. Pengkaji mendapati pada hari ini kebanyakan golongan belia tidak suka menceburi diri mereka di dalam bidang kraftangan. Bagi pendapat kebanyakan golongan belia telah beranggapan bahawa institusi ini tidak mempunyai hala tuju yang betul. Mereka lebih suka menceburi diri di dalam bidang penghotelan, pendidikan serta perniagaan.

Oleh itu, anyaman bakul yang memiliki keistimewaan yang tersendiri dan pelbagai fungsi yang digunakan oleh setiap orang dari dahulu dan sekarang. Dengan ini, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sistem pengkormersialan pembuatan anyaman bakul di Kampung Pengkalan Gelap. Pengkaji ingin mengetahui sejauh mana institusi ini menggunakan sumber ekonomi dari segi pengagihan modal setiap tahun, pembayaran gaji pekerja dan bagaimana cara pengkomersialanya sejak dahulu sehingga sekarang.

1.3 Definisi

1.3.1 Definisi Anyaman

Anyaman bermaksud Menurut J.J. Hoenigman (2008) iaitu anyaman adalah merupakan seni kebudayaan, yang termasuk dalam artifak. Artifak adalah kebudayaan fizik yang berupa hasil dari aktiviti, perbuatan, dan karya semua manusia dalam masyarakat merupakan benda-benda atau hal-hal yang dapat disentuh, dilihat, dan didokumentasikan.

Selain itu, anyaman merupakan kepakaran seseorang dalam menganyam diterima sebagai satu usaha yang dilakukan secara berterusan untuk menyelesaikan dan menyempurnakan dalam kehidupan. Melalui seni anyaman juga dapat meningkatkan penghasilan produk dan nilai estetika.

1.3.2 Definisi Kraftangan

Kraftangan didefinisikan sebagai hasil keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa barang. Walaubagaimanapun dihasilkan yang mempunyai reka bentuk anyaman bakul atau di mana-mana bahagiannya. (Akta 222, 1997)

1.4 Skop Kajian

Menurut pengkaji ingin kajian tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Di samping itu, kajian ini yang melibatkan responden yang terdiri dari pengusaha, penjual dan masyarakat setempat yang terdiri daripada golongan dewasa serta para pembeli atau pengunjung yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Hal ini, kerana memandangkan mereka merupakan sasaran yang paling tepat untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tersebut.

Selain itu, kajian ini dibuat tanpa mengira demografi seperti jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan dan pekerjaan tertentu. Strategi ini digunakan berdasarkan keperluan untuk melihat secara keseluruhan pandangan masyarakat tempat berkenaan. Oleh itu, apabila kajian ini dijalankan maka menjawab objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji iaitu tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu.

Pengkaji memilih Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu sebagai kajian tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu. Justeru itu, ini bersesuaian dan memudahkan pengkaji menjalankan kajian ini dengan lancar tanpa perlu mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan skop kajian. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah disebabkan pengkaji ingin tahu tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu.

1.5 Permasalahan Kajian

Pengkaji-pengkaji sebelum ini tidak mengkaji tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Oleh itu, wujudnya persoalan yang timbul ialah apakah:

i- Selain itu, kewujudan faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional. Oleh itu, perbezaan keunikan corak anyaman pada setiap bakul menentukan harga sesebuah bakul. Keunikan nilai estetika pada sesuatu anyaman mempengaruhi harga barang tersebut. Susunan reka corak serta motif sesuai menampilkan kesopanan yang tersendiri. Keunikan corak anyaman Syarikat Nipah Craft Collection, yang terdapat pada kraftangan bakul tradisional yang diperbuat daripada sumber alam semula jadi iaitu lidi nipah dan berlainan dengan syarikat lain.

Ini disokong oleh Thanaletchumy Narayanan (2003) melalui satu kajiannya keunikan kesenian serta kreativiti masyarakat di Malaysia boleh dilihat melalui kraftangan anyaman seperti bakul, tikar, barang hadiah serta bekas serba guna. Oleh itu, nilai barang kraftangan ditentukan berdasarkan kreativiti menghasilkan corak anyaman pada kraftangan tersebut.

ii- faktor yang menyebabkan masyarakat muda kurang berminat untuk mempelajari seni anyaman bakul tradisional. Perkara ini berlaku disebabkan terdapat bakul yang diperbuat dari plastik telah banyak dijual kini. Bakul plastik yang mempunyai acuan tersendiri dalam pembuatan dan tidak

mengambil masa yang lama seperti anyaman tradisional. Hal ini disokong oleh Gozali (2009) menyatakan bahawa “Keterampilan merupakan pengetahuan experiential yang dilakukan secara berulang dan terus menerus secara berstruktur sehingga membentuk kebiasaan dan kebiasaan baru seseorang.” Keterampilan merupakan kemampuan yang dimiliki seseorang untuk menyelesaikan suatu tugas yang diperoleh melalui latihan yang terus menerus. Tambahan pula, wujudnya teknologi moden menyumbang kepada peningkatan ekonomi

iii- Seterusnya, bagaimana usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkomersialkan kraftangan anyaman bakul tradisional. Seni anyaman bakul merupakan salah satu sektor yang menyumbang terhadap peningkatan pendapatan setempat di Terengganu. Oleh itu, para pengusaha kraftangan di Negara ini perlu lebih kreatif dan inovatif dalam setiap reka bentuk untuk memastikan produk jenama tempatan juga dapat bersaing di peringkat global supaya dapat menyumbang terhadap peningkatan pendapatan dalam sektor ini, menurut Zuraida Mokhtar (2014), iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Kraftangan Malaysia.

Dengan ini, disokong oleh Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Ariff (2003) satu kajiannya menyatakan penduduk kampung Air, Sarawak mahir dalam membuat kerja-kerja pertukangan besi, ukiran kayu, bertenun kain dan kraf tangan. Hasil produk tersebut sebahagiannya dijual kepada penduduk Ayer serta daerah Limbang menjadi pembekal hasil pembuatan ini kepada Kesultanan Brunei.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah meliputi kepada tujuan keseluruhan sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Antara objektif kajian tersebut ialah:

- i-Mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional.
- ii-Mengenal pasti punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul tradisional.
- iii-Mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkomersialkan anyaman bakul tradisional.

1.7 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan lanjutan dari beberapa objektif kajian yang telah dibentuk sebelum ini. Justeru itu, terdapatnya beberapa persoalan utama yang timbul untuk dikemukakan sebagai garis panduan kepada bagi melancarkan pelaksanaan kajian ini. Oleh itu, persoalan-persoalan yang ingin di ketahui oleh pengkaji ialah seperti berikut:

- i.-Apakah faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional?
- ii.-Apakah faktor yang menyebabkan masyarakat muda kurang berminat untuk mempelajari seni anyaman bakul tradisional?
- iii-Apakah usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkomersialkan kraftangan anyaman bakul tradisional?

1.8 Hipotesis Kajian

Pada andaian pengkaji terhadap kajian yang dijalankan mengenai pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Jika masyarakat sekarang sedar nilai keunikan seni anyaman bakul tradisional amat bermakna daripada bakul buatan plastik yang dibuat mengikut acuan yang tersedia maka dapat dikekalkan. Dengan ini dapat memartabatkan hasil kraftangan seni anyaman bakul dalam masyarakat melalui perolehan, pemuliharaan, mempamerkan dan penyimpanan.

Selain itu, andaian pengkaji hasil kraftangan seni anyaman bakul juga berpotensi untuk di komersialkan di pasaran secara meluas kerana mempunyai keunikan nilai estetika pada corak anyaman pada bakul menentukan harga sesebuah bakul.

Seterusnya, andaian pengkaji ialah jika promosi hasil seni kraftangan anyaman bakul dijalankan oleh masyarakat etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu secara efisien sudah tentu seni anyaman dapat diterima oleh masyarakat setempat dan luar Negara.

1.9 Kepentingan Kajian

Melalui pendapat pengkaji terdapat beberapa kepentingan dalam kajian ini. Oleh itu, kepentingan bagi pengkaji ialah:

1.9.1 Kepentingan kepada pengkaji sendiri

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk kepentingan kepada pengkaji. Dengan adanya penyelidikan seperti ini pengkaji dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai tajuk pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu.

1.9.2 Kepentingan kepada masyarakat

Selain itu, juga penting kepada masyarakat iaitu masyarakat mendapat kesedaran dalam pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Di samping itu, juga, supaya masyarakat datang dapat mengenali seni anyaman bakul tradisional etnik Melayu. Dengan ini dapat menggambarkan masyarakat tempatan pencinta seni warisan Negara.

Seterusnya, melalui kajian ini diharap dapat menarik minat golongan remaja dan belia pada hari agar menceburi diri mereka dalam industri kraf seperti dalam bidang kraftangan bakul supaya dapat memodenkan cara pembuatan kraftangan bakul supaya penghasilannya dapat ditingkatkan dan dipasarkan secara komersial tapi masih mengekalkan keaslian seni anyaman serta kehalusan keunikan corak pada bakul

tersebut yang dihasilkan secara turun temurun Tetapi apa yang dapat dilihat pada hari ini ialah golongan remaja kurang meminati untuk menceburi diri mereka dalam bidang kemahiran kraftangan anyaman bakul sebaliknya mereka lebih berminat untuk melibatkan diri dalam bdang ekonomi, pendidikan dan sebagainya

1.9.3 Kepentingan kepada pengkaji masa datang

Di samping itu juga, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji masa depan. Justeru itu, melalui kajian ini penyelidik hampir dengan kajian ini dapat mengetahui aspek-aspek yang perlu ada ketika menjalankan kajian tersebut. Ini memudahkan pengkaji pada masa hadapan membuat kajiannya.

1.9.4 Kepentingan kepada institusi pendidikan

Kajian ini juga dapat membantu pihak pendidikan untuk dijadikan bahan pembelajaran dalam subjek sejarah dalam memberi maklumat tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu kepada pelajar sekolah tersebut. Oleh itu, kajian ini juga bukan saja dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat setempat malahan kepada masyarakat yang berada di kawasan yang lain. Dengan ini, dapat membuktikan kewujudan anyaman bakul di Kampung Pengkalan di Terengganu sebenarnya telah lama wujud di kawasan tersebut.

1.10 Limitasi Kajian

Masalah ataupun batasan yang menyukarkan pengkaji menjalankan aktiviti kajian itu. Oleh itu, pengkaji terpaksa menempuhi segala halangan untuk memastikan kajian yang dilakukan itu berhasil sepenuhnya dan disediakan dengan bagus serta maklumat yang ingin disampaikan adalah menepati objektif kajian pengkaji. Antara masalah yang dihadapi sepanjang melaksanakan kajian dan masalah itu berjaya diatasi oleh pengkaji. Masalah tersebut merangkumi:

1.10.1 Masa

Masa merupakan salah satu masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini. Hal ini kerana, masa sememangnya adalah terhad bagi semua pengkaji dalam mendapatkan sesuatu maklumat yang tepat. Oleh itu, masa yang diberi untuk menyiapkan kajian ini kepada pengkaji adalah terlalu singkat kerana pengkaji juga perlu menyelesaikan tugas lain yang berkaitan dengan pembelajaran.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji menganggap itu sebagai satu ujian untuk terus tabah dan bersemangat dalam menyiapkan kajian ini. Untuk memastikan segala urusan berjalan dengan lancar pengkaji telah membuat pembahagian jadual iaitu pengkaji membahagikan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan juga masa untuk menyiapkan tugas subjek lain dengan sempurna dan tidak memfokuskan kepada kajian ini sahaja.

1.10.2 Jarak

Selain itu, masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah dari segi jarak untuk melakukan kajian ini. Disebabkan jarak pengkaji ingin pergi ke lokasi kajian daripada tempat tinggal pengkaji telah mengambil masa selama tiga jam lebih sekurang-kurangnya untuk sampai ke lokasi kajian itu. Dapat dilihat bahawa pengkaji telah banyak membuang masa untuk sampai ke lokasi dari perjalanan dan masa yang tinggal hanya sedikit untuk pengkaji membuat aktiviti kajian lokasi tersebut. Selain itu, pengkaji juga terpaksa berulang alik dari tempat tinggal di Besut ke lokasi kajian iaitu di Kampung Pengkalan Gelap bagi mendapatkan maklumat yang cukup dan tepat untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

1.10.3 Informasi

Seterusnya, masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah segi kekurangan ataupun kesukaran untuk mendapatkan maklumat iaitu bahan rujukan yang sesuai dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Menyebabkan pengkaji terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan tajuk kajian, ini kerana kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji adalah pengkaji sebelum ini tidak pernah membuat kajian ini. Antara tajuk kajian pengkaji iaitu mengenai pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tradisional.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji berjaya mengatasi masalah itu dengan sebaik mungkin apabila pengkaji akhirnya telah berjaya mendapatkan maklumat yang berkaitan melalui sumber internet dan pengkaji juga mendapat daripada buku-buku, artikel, majalah, jurnal di samping itu pengkaji mencari bahan rujukan lain dengan pergi ke perpustakaan.

1.10.4 Batasan Informan

Di samping itu, masalah yang turut terpaksa dihadapi oleh pengkaji ialah batasan informan. Ini disebabkan informan tersebut merupakan seorang guru kraftangan yang mempunyai komitmen serta tanggungjawab yang besar dan selalu keluar negeri iaitu untuk mempromosikan produk kraftangan industri beliau kepada masyarakat. Menyebabkan informan yang dipilih pengkaji selalu tidak ada di lokasi kajian.

Namun, berkat kesungguhan pengkaji telah berjaya hadapi masalah itu dengan tenang. Dengan ini, sebelum pergi ke lokasi kajian untuk berjumpa dengan informan itu, pengkaji terlebih dahulu menelefon dan membuat temu janji dengan informan itu untuk mengetahui masa yang sesuai menemu bual informan tersebut berkaitan dengan tajuk pengkaji.

1.11 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat di buat oleh pengkaji ialah diharapkan agar kajian ini dapat mencapai matlamat dan objektif sebagaimana yang telah ditetapkan. Di samping itu agar masyarakat dapat menerima pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Secara khususnya pula kajian ini dapat memberikan pemahaman tentang keunikan corak anyaman pada bakul amat penting dalam menentukan harga sesebuah bakul tersebut di samping pengusaha agar sentiasa mengeluarkan corak yang baru mengikut arus semasa

BAB 2

SOROTAN KESUSTERAAN

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang pengumpulan idea-idea penulis atau pengkaji yang lepas hampir melalui pandangan atau informasi yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Pengkaji telah mengkaji beberapa sumber rujukan seperti buku, artikel dan majalah untuk mengkaji maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Idea-idea yang dikemukakan oleh beberapa penulis buku telah dikupas oleh pengkaji untuk mengembangkan ideanya. Selain itu, juga penting untuk menguji samada tajuk kajian ini pernah dikaji oleh pengkaji lepas ataupun belum serta berbeza daripada kajian lepas.

Seterusnya untuk membuktikan bahawa kajian yang dijalankan berbeza dan belum dikaji oleh pengkaji lain. Tambahan pula, kaedah ini membantu dalam merangka konsep kerangka kerja kajian. Terdapat beberapa buah buku telah dipilih untuk membuat sorotan kesusasteraan bagi melengkapkan kajian, beberapa sumber rujukan daripada pelbagai jenis digunakan untuk memenuhi objektif dan matlamat penyelidikan pada akhir kajian nanti.

Selanjutnya, dalam bab ini juga pengkaji ingin mengemukakan bahan bukti bagi menyokong kesahihan dapatan hasil sesuatu kajian yang telah dilakukan demi mengekalkan keaslian dalam pengurusan keunikan corak seni kraftangan anyaman bakul yang dilakukan oleh pengkaji

2.2 Kandungan Umum

Anyaman bermaksud proses menyilangkan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan satu rumpun yang kuat dan boleh digunakan. Bahan-bahan tumbuhan yang boleh dianyam ialah lidi, rotan, akar, buluh, pandan, mengkuang, dan sebagainya. Bahan ini biasanya mudah dikeringkan dan lembut. Anyaman seringkali dibuat dari bahan yang berasal dari tumbuhan, namun serat plastik juga dapat digunakan. Biasanya rangkanya dibuat dari bahan yang lebih kaku, setelah itu bahan yang lebih lentur digunakan untuk mengisi rangka. Anyaman bersifat ringan tapi kuat, menjadikannya sesuai sebagai perabot yang sering dipindah-pindahkan. Maksud anyaman disokong oleh “E-Man” dalam buku Siri Warisan Seni Kraf Anyaman, 2008.

Dipercayai bakul merupakan satu seni anyaman yang dibentuk daripada anyaman 1rotan, buluh mengkuang dan bemban. Bakul digunakan sebagai bekas untuk menyimpan, menyukat dan sebagainya (perpustakaan Negara Malaysia, 2000). Dengan ini satu kajian mengenai seni anyaman bakul untuk mengetahui permasalahan yang di hadapi pembuatan seni anyaman kepada individu yang melakukan aktiviti ini terhadap perkembangan ekonomi Negara ini. Oleh itu, tujuan

kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan masalah yang melanda industri kraftangan anyaman.

2.3 Definisi Etnik

Menurut Mansor, A. Rahman & M. Ainuddin, (2006) daripada buku yang berjudul Hubungan Etnik di Malaysia telah menyatakan bahawa konsep etnik mempunyai erti yang berkaitan rapat dengan ras dan bangsa. Ras dan bangsa memberikan penekanan pada perbezaan fizikal atau sifat-sifat biologi di antara sesama manusia. Manakala konsep etnik lebih berkaitan dengan amalan budaya yang hampir seragam di antara anggota-anggota kelompok manusia itu, disatukan oleh pengalaman sejarah, sistem nilai, sikap, dan tingkah laku. Oleh itu, terdapat dua dimensi dalam pengertian konsep etnik yang dikemukakan itu, pertama dimensi subjektif dan kedua dimensi objektif.

i-Dimensi Subjektif

Dimensi subjektif adalah berkaitan dengan kesedaran tentang kewujudan satu identiti etnik, perasaan kekitaan, dan kesedaran tentang kepentingan bersama.

ii- Dimensi Objektif

Manakala, dimensi objektif pula adalah persamaan ciri-ciri kebudayaan seperti bahasa, kesenian, pakaian dan adat istiadat yang dikongsi bersama.

2.4 Definisi Melayu

Menurut Mansor, A. Rahman & M. Ainuddin, (2006) daripada buku yang berjudul Hubungan Etnik di Malaysia telah menyatakan bahawa orang Melayu adalah peribumi Semenanjung Tanah Melayu, hidup dalam persekitaran yang makmur, tidak sering diganggu oleh bencana alam dan menikmati iklim tropika yang sentiasa menyegarkan. Kesemua orang Melayu Beragama Islam. Islam adalah semangat yang menguasai kehidupan orang Melayu, ibarat lagu dan irama yang tidak boleh dipisahkan.

Selain itu, dalam buku ini juga, orang melayu amat toleransi dan akomodatif kepada tingkahlaku orang bukan Melayu. Sifat toleransi dan akomodatif itu adalah cetusan daripada ajaran Islam. Chandra Muzaffar (1976) memperkukuhkan hujahnya dengan menegaskan, “sikap toleran dan akomodatif orang Melayu adalah kerana cerminan pandangan dunia ajaran Islam yang terdapat di pelusuk dunia yang didiami oleh umat Islam”.

Manakala definisi Melayu dalam perlembagaan Malaysia juga mengaitkan orang Melayu dengan Islam. Secara nyata disebutkan dalam Perlembagaan, seseorang itu dikatakan Melayu apabila dia bertutur bahasa Melayu, hidup dengan cara budaya Melayu, dan menganut agama Islam. Seseorang itu dikatakan Melayu, apabila dia dapat mengekalkan identiti budaya berteraskan tiga tiang seri, agama Islam, bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu.

2.5 Definisi Kebudayaan

Dalam buku yang berjudul *Kebudayaan Malaysia* menurut (Kim, 2009) telah menyatakan kebudayaan pada umumnya merujuk kepada keseluruhan cara hidup sesebuah masyarakat. Seseorang sejarawan dari masyarakat lain (misalnya Cina), yang sedang mengkaji masa dalam masyarakat asing (misalnya Malaysia), perlu mengambil masa dalam usahanya memahami masyarakat tersebut yang secara mendalam.

2.6 Definisi Anyaman

Menurut Siti Zainon Ismail, (1989) daripada bukunya yang berjudul *Percikan Seni* telah menyatakan bahawa anyaman ialah kepakaran menganyam dapat dilihat sebagai suatu usaha yang berterusan bagi menyelesaikan dan menyempurnakan kehidupan, keinginan dan keperluan. Sama ada daripada bahan *pandanus* (pandan/mengkuang), *nipavfruticons* (nipah), *palma engeissona tritis* (bertam), *donax arundastrum* (bembam), *bamboo* (buluh), jenis paku pakis, rumput rampai dan sebagainya, pencipta bentuk tersebut telah mengolah dengan alam yang bakal digunakan itu.

Selain itu, menurutnya lagi anyaman dari sedut tingkat perkembangan budaya, seni anyaman termasuk aktiviti awl dalam kelompok masyarakat tradisi kecil (*The Little Tradition*) namun tetap atau pernah dilanjutkan dalam tradisi istana terutama apabila anyaman ditambah dengan bahan-bahan pelengkap yang lebih mewah seperti tekat benang emas atau manik labuci. Contohnya ialah dalam tradisi kecil yang diwakili

oleh masyarakat nelayan dan petani, misalnya bakul digunakan untuk mengisi ikan, sayuran-sayuran dan sebagainya terutama dalam sistem atau kegiatan ekonomi.

Selain itu, menurut E-Man (2008) dalam bukunya yang berjudul *Siri Warisan Seni Kraf Anyaman* menyatakan bahawa anyaman seringkali dibuat dari bahan yang berasal dari tumbuhan, namun serat plastik juga dapat digunakan. Biasanya rangkanya dibuat dari bahan yang lebih kaku, setelah itu bahan yang lebih lentur digunakan untuk mengisi rangka. Anyaman bersifat ringan tapi kuat, menjadikannya sesuai sebagai perabot yang sering dipindah-pindahkan.

2.7 Definisi Motif

Menurut Ismail Ibrahim (2007) dalam buku yang berjudul *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah* telah menyatakan bahawa motif juga merupakan imej atau rupa dasar kepada pembentukan corak. Imej ini dirujuk daripada sesuatu tema, cerita, imaginasi ataupun sesuatu objek yang telah ditransformasikan menjadi sebuah imej mudah atau simbol. Ini disokong oleh Siti Zainon Ismail, 1997.

Motif are also classified as the central theme, while pattern are visual elements arranged in such a manner that they cover the same area as that of motif forms. The most appropriate description for pattern is motif arrangements.

(Siti Zainon Ismail, 1997:9)

Selain itu, Ismail Ibrahim (2007) dalam buku yang sama telah menyatakan menurut Langer (1967), motif ialah bentuk-bentuk asas yang boleh didapati dalam seni dekoratif pada semua bangsa dan separuh daripada rupa motif ini menyerupai bentuk-bentuk yang bermaksud bentuk bulatan yang bertanda di tengah yang bermaksud bunga. Motif adalah sesuatu gambaran yang dihasilkan melalui garisan dan rupa.

2.7.1 Motif dari Alam Semula jadi

Motif dalam sesebuah corak kadangkala berfungsi sebagai simbol. Simbol ialah rupa yang terhasil dalam konteks ikonik yang boleh diuraikan untuk disampaikan sesuatu makna. Sementara imej simbol sesuatu mesej yang telah dipermudahkan, terhasil untuk menyampaikan suatu imej atau pengertian tertentu. Selain itu, sesuatu imej itu dapat membawa makna yang tersirat. Dalam kajian terhadap budaya, pendekatan kepada salah satu fokus utama menurut Alasuutari (1995) dalam buku Warisan Motif dan Corak Etnik di Sabah, Ismail Ibrahim

2.7.2 Persepsi Kontemporari Terhadap Motif.

Menurut Ismail Ibrahim (2007) dalam buku yang berjudul Warisan Motif dan Corak Etnik di Sabah telah menyatakan motif dan tema adalah asas rujukan dalam sesebuah corak yang dijadikan dasar fikiran dalam menyampaikan sesuatu sama ada secara terus atau abstrak. Motif alam semula jadi iaitu “bunga” sebagai rujukan kepada rekaannya. Di sini, sekuntum bunga telah berubah telah berubah kepada imej simbolik. Rupa asalnya ialah mengalami perubahan melalui proses transformasi atau evolusi.

2.8 Pengkomersialan Kraftangan

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh (Karisenan, 2007) menurut (Leigh, 2000) pada tahun 1979 Lembaga Kraftangan Malaysia bertukar kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Semenjak itu, perbadanan ini memfokuskan aktiviti promosi dan pemasaran kraftangan secara besar-besaran. Matlamat perbadanan ini adalah untuk mempopularkan kraftangan Malaysia ke seluruh Negara.

Selain itu, menurut Light juga tujuan kerajaan Malaysia menaja pengeluaran hasil kraf bukan sahaja untuk mempromosikan dan meningkatkan identity budaya Negara, malah menyediakan kemudahan dari segi ekonomi bagi masyarakat Melayu miskin di kawasan pedalaman dengan melibatkan diri dalam aktiviti komersial.

Seterusnya, dalam kajian tersebut menurut Nasir Baharuddin (April, 2000) dalam artikel yang bertajuk “Warisan Seni: Tradisi atau Komersial”, persoalan samada untuk mengekalkan tradisi atau berubah ke arah komersial berkait rapat dengan “pantang larang” dan harga diri sesuatu bangsa itu sendiri. Pertama, tradisi lama perlu dikekalkan untuk mempertahankan keaslian dan nilai budaya bangsa. Kedua, untuk mengkomersialkan seni, hal ini perlu dilakukan dengan berhemah agar tidak dianggap sebagai penjualan secara langsung yang dibuat demi untuk menghalang kepupusan budaya itu sendiri.

Nasir Baharuddin juga menyatakan bahawa terdapat beberapa pandangan terhadap aktiviti pengkomersialan. Ada berpendapat bahawa seni tradisional tidak wajar berubah mengikut zaman, sebaliknya harus dipertahankan keaslian yang menjadi identitinya. Maka seni tradisional wajar kekal seadanya supaya dapat diwarisi generasi akan datang. Ada juga yang berpendapat bahawa seni tradisional boleh dikomersialkan tetapi masih mempertahankan yang aslinya. Oleh itu, bermakna seni tradisi boleh dikomersialkan supaya dapat bersaing dengan seni popular yang lain.

2.9 Keindahan Dalam Kraf Tangan

Menurut Ismail Ibrahim (2009) dalam bukunya yang berjudul Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah telah menyatakan bahawa corak pada kraf tangan etnik menampilkan ciri-ciri keindahan yang tersirat. Konsep keindahan ini harus diterangkan secara jelas agar dapat memberi satu rumusan yang jelas kepada satu konsep yang betul. Keindahan adalah sesuatu yang subjektif. Pemerhatian kepada corak etnik harus diselami melalui kajian analitis agar ciri-ciri keindahannya dapat ditentukan.

Maksud tersebut telah disokong oleh Read (1993:23) dalam buku yang sama melihat keindahan pada satu persepsi yang artistik. Aktiviti artistik boleh dibahagikan kepada tiga tahap. Pada tahap pertama ialah persepsi kepada kualiti bahan. Tahap kedua pula ialah cara pengolahan bahan bagi mendapatkan rupa, bentuk serta corak yang menarik dan tahap ketiga ialah peranan keseluruhan reka bentuk dalam menimbulkan satu mod dan kesan.

2.10 Keterampilan dalam Pembuatan Kraftangan Anyaman Bakul

Selain itu, keterampilan seseorang dalam membuat anyaman memainkan peranan penting untuk menjadikan seorang profesional dalam setiap pekerjaan seni kraftangan anyaman kerana memerlukan kesabaran dan kesungguhan untuk mempelajari. Ini menurut Misnanto dan Ngusman melalui satu kajiannya telah menyatakan bahawa Soemarjadi, (1991) “Keterampilan sama ertinya dengan kata kecekapan, keterampilan adalah kepandaian melakukan sesuatu pekerjaan dengan cepat dan benar.

Di samping itu, keterampilan seseorang membuat anyaman untuk menjadikan seseorang profesional iaitu menurut oleh Yusrimelti (2013) dalam kajiannya keterampilan yang dikembangkan berdasarkan minat dan kegigihan individu untuk dikembangkan secara nyata sebagai sektor usaha kecil atau industri sederhana serta berorientasi kepada peningkatan potensi keterampilan untuk bekerja secara aplikasi personal.

Keterampilan seseorang membuat anyaman untuk menjadikan seseorang professional menurut oleh Gozali (2009) dalam kajiannya menyatakan bahawa “Keterampilan merupakan pengetahuan experiential yang dilakukan secara berulang dan terus menerus secara berstruktur sehingga membentuk kebiasaan dan kebiasaan baru seseorang”. Keterampilan merupakan kemampuan yang dimiliki seseorang untuk menyelesaikan suatu tugas yang diperoleh melalui latihan yang terus menerus.

2.11 Dari Segi Keunikan Corak Anyaman pada Bakul Menentukan Nilai

Seterusnya, keunikan sesuatu corak anyaman pada bakul menentukan nilai sesebuah bakul. Keunikan nilai estetika pada sesuatu anyaman mempengaruhi harga barang tersebut. Susunan reka corak serta motif sesuai menampilkan kesopanan yang tersendiri. Ini disokong oleh Thanaletchumy Narayanan melalui satu kajiannya keunikan kesenian serta kreativiti masyarakat di Malaysia boleh di lihat melalui kraftangan anyaman seperti bakul, tikar, barang hadiah serta bekas serba guna.

Keunikan nilai estetika yang terdapat pada kraftangan anyaman bakul tradisional yang dihasilkan oleh Nipah Craft Collection adalah menggunakan bahan alam semula jadi iaitu lidi nipah serta mengekalkan corak serta motif yang menggambarkan alam semula jadi. Dengan ini, merupakan kelebihan ataupun keistimewaan yang ada pada produk kraftangan syarikat tersebut berbanding dengan syarikat kraftangan lain yang terdapat di negeri Terengganu terutamanya daerah setiu iaitu di Kampung Pengkalan Gelap.

Di samping itu, seni anyaman bakul merupakan salah satu seni tradisional yang menyumbang terhadap pendapatan setempat. Dengan ini, menurut daripada Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Ariff (2003) satu kajiannya menyatakan penduduk kampung Air, Sarawak mahir dalam membuat kerja-kerja pertukangan besi, ukiran kayu, bertenun kain dan kraf tangan. Hasil produk tersebut sebahagiannya dijual kepada penduduk Ayer serta daerah limbang menjadi pembekal hasil pembuatan ini kepada Kesultanan Brunei.

2.12 Sejarah Perkembangan Anyaman

Sejarah perkembangan seni anyaman menurut Siti Zainun dalam bukunya Reka bentuk karangan Melayu tradisi telah menyatakan bahawa perkembangan sejarah anyaman telah pun bermula pada zaman pemerintahan Long Yunus (1756-94) di Kelantan, penggunaan anyaman digunakan oleh raja. Anyaman tersebut dipanggil “Tikar Raja” yang diperbuat daripada pohon bemban. Seni anyaman di percaya bermula dan berkembangnya tanpa menerima pengaruh luar. Seterusnya penggunaan tali, akar dan rotan merupakan asa pertama dalam penciptaan kerajinan tangan anyaman. Bahan-bahan itu tumbuh liar di hutan- hutan, kampong-kampung dan kawasan sekitar pantai.

Selain itu, menurut Siti Zainon Ismail (1989) dalam bukunya yang berjudul Percikan Seni telah menyatakan yang agar menarik dalam perkembangan kraftangan kita pada hari ini ialah penglibatan tukang atau pereka bentuk dalam suasana baharu kini. Mereka bukan saja melanjutkan warisan seni yang lampau, malahan turut mengolah kembali melalui daya cipta peribadi yang unik. Kita mengenal A. Latif Long dari Kelantan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri jika dibandingkan dengan Wan Su di Terengganu, diikuti pula oleh Wan Mustaffa.

2.13 Promosi

Seterusnya, dalam buku yang berjudul Asas Perancangan Media: Dari Aspek Pemasaran menurut Arnold M. Barban, STEVEN M. Cristol & Frank J. Kopec (1992) telah menyatakan promosi merupakan salah satu strategi utama bagi seorang pengeluar produk supaya dapat memastikan kerjasama dengan semua ahli yang terlibat. Beliau

menyatakan terdapat dua kaedah asas dalam promosi iaitu salah satunya strategik tolak dan turut terlibat strategik tarik. Oleh itu, campuran strategi ini dapat dilakukan melalui kombinasi pengiklanan, jualan, serta jualan bersemuka adalah sangat berbeza dan juga promosi.

Manakala menurut Darinah Ahmad (1988) dalam buku yang lain iaitu bertajuk Pengiklanan Dan Promosi Jualan telah menyatakan bahawa pengiklanan merupakan yang meliputi konsep, penetapan, kempen, pembinaan strategi, teknik persembahan dan juga strategi media adalah benda yang penting.

Selain itu, beliau juga telah mendefinisikan bahawa pengiklanan merupakan bentuk persembahan maklumat yang paling terkawal serta bukan secara bentuk peribadi, iaitu mengenai keluaran, perkhidmatan ataupun berbentuk idea yang ditaja menerusi badan-badan terlibat mahupun dari pihak swasta atau pihak awam, bagi meyakinkan pihak tersebut melalui saiz sasaran pasaran.

2.14 Masalah dan Cabaran

Dalam buku yang berjudul Utara Semenanjung Malaysia pada bahagian Kraf Perak: Dilema Pengkomersialan dan Tradisi Pembuatan oleh Ahmad (2012) telah menyatakan sebagai contoh pengusaha tembikar secara tradisional menghadapi halangan untuk terus maju dan kekal dalam persaingan kerana beberapa faktor. Antara

faktor yang terlibat ialah kekurangan modal, latihan, promosi, dan juga perhatian yang kurang diberikan terhadap pengusaha-pengusaha tradisional berbanding pengusaha-pengusaha yang sudah berubah kepada penggunaan teknik pengeluaran secara moden.

Selain itu, pengusaha kraf tembikar tradisional hingga kini masih dilihat secara negatif kerana tidak berubah, kurang produktif, sukar dan tidak berbaloi untuk dimajukan kerana tidak memberi keuntungan lumayan. Di samping itu, proses pengeluarannya yang dikatakan sukar dan memakan masa serta tidak tetap bergantung kepada keadaan masa, musim, cuaca, kesihatan dan sebagainya.

Seterusnya, dalam buku yang sama kajian oleh Asyaari menjelaskan bahawa jika dibandingkan dengan teknik moden, penghasilan secara tradisional menggunakan tangan adalah amat lambat dan memakan masa. Contohnya, untuk menghasilkan sebuah tembikar dengan menggunakan teknik memicit secara tradisional telah mengambil masa selama empat hingga lima hari tetapi kaedah moden hanya mengambil masa selama beberapa jam sahaja untuk

2.15 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat di buat dalam Bab ini ialah berdasarkan kajian lepas. Dengan ini pada pendapat pengkaji bahawa kajian adalah sangat relevan untuk dijadikan sebagai tajuk kajian mengenai keunikan anyaman bakul etnik Iban terhadap ekonomi di Sarawak. Oleh itu, melalui kajian lepas tentang keunikan anyaman bakul membolehkan pengkaji mengetahui kaedah atau cara yang diterapkan untuk mendapat maklumat dengan tepat. Melalui kajian ini pengkaji akan dapat mengetahui mengenai keunikan anyaman bakul etnik Iban terhadap ekonomi di Sarawak dengan lebih mendalam lagi.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Dalam Bab ini terdapat 2 kaedah kajian yang dapat dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat iaitu kaedah pertama ialah kualitatif merupakan kaedah yang melibatkan temu bual dengan pemberi maklumat dan pemerhatian yang dilakukan di tempat kajian. Kaedah kuantitatif pula melibatkan data yang diperoleh daripada jurnal, buku, artikel koleksi kraftangan dan sebagainya

Metodologi merupakan bahagian yang menerangkan reka bentuk kajian. Setelah pengkaji mengkaji sedikit sebanyak mengenai kajian yang ingin dijalankan, terdapat beberapa pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap Pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lengkap.

3.2 Lokasi Kajian

Kampung Pengkalan Gelap, Terengganu merupakan lokasi kajian yang di pilih oleh pengkaji. Justeru itu, pengkaji memilih lokasi ini kerana salah seorang yang menjadi informan merupakan pembuat anyaman bakul dan juga beliau adalah salah seorang pengajar usahawan kraftangan Malaysia yang terkenal di Terengganu. Selain itu juga, di dalam bidang kraftangan ini beliau telah lama menceburi dan bergiat secara aktif.

Beliau adalah tempat rujukan para usahawan-usahawan yang baru hendak menceburi bidang kraftangan ini.

Di samping itu, bagi mendapatkan dengan lebih banyak maklumat yang berkaitan tajuk pengkaji iaitu tentang pengkomersialan kraftangan anyaman bakul juga akan temu bual para pekerja di industri tersebut iaitu Nipah Craft di Kampung Pengkalan Gelap. Peta dibawa menunjukkan lokasi kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu di Setiu:



(Peta 1 Pengusaha Nipah Craft Collection)

(Sumber: Google.com)



(Peta 2 Keseluruhan Negeri Terengganu)

(Sumber: Google.com)

3.3 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperoleh melalui hasil pembacaan pengkaji iaitu bahan ilmiah iaitu seperti manuskrip, keratan akhbar, buku, artikel, jurnal dan termasuklah bahan-bahan kajian dari pengkaji yang lepas. Selain itu, data sekunder juga tidak semestinya merujuk pada bahan bacaan cetakan semata- mata di samping itu, juga laman wed adalah merupakan salah satu data sekunder yang telah digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat. Pengkaji telah menggunakan alternatif tersebut untuk dijadikan bahan bukti dalam kajian ini bagi menguatkan lagi kajian pengkaji.

Pengkaji mendapatkan bahan-bahan pembacaan tersebut iaitu melalui hasil lawatan ke Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Dengan ini, dapat membantu pengkaji bagi memperbanyakkan lagi maklumat yang sedia ada sebelum ini apabila pengkaji berjaya mendapatkan sumber-sumber dari perpustakaan tersebut. Sumber yang diperoleh tersebut dapat membantu pengkaji bagi menguatkan lagi analisa penyelidikan pengkaji mengenai pengkomersialan kraftangan anyaman bakul.

Seterusnya, sumber data sekunder yang diperolehi ini juga amat penting kepada pengkaji untuk membuat bahan rujukan supaya tidak berlaku unsur-unsur peniruan hasil kerja pengkaji yang sebelum ini. Justeru itu, data ini amat penting kepada pengkaji untuk digunakan sebagai sumber rujukan maklumat bagi mengenal pasti teori hasil dapatan kajian-kajian terdahulu hampir sama atau tidak dengan teori pengkaji.


Seterusnya, dapatan hasil data sekunder amat penting kepada pengkaji terhadap kajian yang ingin dilakukan. Kebanyakan sumbar yang diperolehi oleh pengkaji adalah melalui buku-buku rujukan mengenai seni warisan seperti anyaman dan juga buku percikan seni. Disamping itu, untuk menamabahkan lagi pemahaman pengkaji terhadap pengkomersialan kraftangan anyaman bakul. Buku-buku yang berkaitan dengan pemasaran dan pengurusan anyaman bakul bagi memantapkan lagi kajian pengkaji.

3.4 Data Primer

Pada pandangan pengkaji data primer merupakan salah satu sumber yang diperoleh pengkaji melalui sumber pertama. Dalam data primer terdapat dua kaedah yang perlu diketahui oleh setiap pengkaji iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Melalui kaedah kuantitatif adalah kaedah yang memerlukan pengkaji mendapatkan data daripada sejumlah besar individu iaitu dikenali sebagai golongan sasaran pengkaji.

Di samping itu, kaedah kualitatif pula bermaksud yang melibatkan pengkaji sendiri dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan oleh pengkaji iaitu melalui kaedah temu ramah, pemerhatian dan kaedah dokumentasi. Oleh itu, dalam data primer pengkaji telah membuat pilihan bagi mendapatkan data yang sesuai berdasarkan kajian yang akan dibuat. Antara kaedah yang dipilih oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif bagi mendapatkan setiap maklumat serta informasi yang lengkap mengikut objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji supaya dapat mendapat keputusan yang terbaik dalam kajian tersebut.

3.5 Teknik Pengumpulan Data



(Rajah 1 Pengumpulan Data dan Maklumat)

3.5.1 Kaedah Kualitatif

Dengan ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif sahaja disebabkan sangat bersesuaian dengan kajian pengkaji yang ingin dilakukan. Justeru itu, bagi pengkaji kaedah ini dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan sahih mengenai industri kraf anyaman Bakul di Kampung Pengkalan Gelap, Terengganu daripada pemberi maklumat. Oleh itu, pengkaji menganalisis data serta maklumat yang diperolehi mesti bersesuaian dengan objektif asal pengkaji. Selain itu juga, pengkaji melakukan pemerhatian gelagat pengusaha.

Selain itu, di dalam kaedah kualitatif ini pengkaji akan menggunakan beberapa sub-sub kaedah untuk memastikan setiap maklumat yang di peroleh itu tepat. Antaranya sub-sub kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji iaitu pemerhatian, temu bual dan dokumentasi.

3.5.2 Kaedah Pemerhatian

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian iaitu sangat sesuai dan penting dalam membantu pengkaji bagi pergi melihat lokasi kajian anyaman bakul tersebut memang masih wujud lagi ataupun sebaliknya di Kampung Pengkalan Gelap tersebut. Oleh itu, pengkaji perlu membuat pemerhatian yang teliti dalam kajian agar bahan-bahan penting di lokasi lapangan tentang perkara yang boleh dijadikan sebagai sumber tidak terlepas pandang oleh pengkaji selain melalui informan yang akan membantu merealisasikan hasrat pengkaji dalam kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga akan mengambil masa selama satu hari demi membuat pemerhatian sendiri untuk melihat sejauh mana sistem pengurusan Nipah Craft Collection yang melibatkan beberapa aspek iaitu seperti cara penyelidikan, perolehan pendokumentasian yang berjaya dilakukan oleh pihak pengusaha kraftangan anyaman bakul dalam mengurus hasil tersebut.

Seterusnya, pengkaji juga akan membuat pemerhatian terhadap bagi menjawab objektif kajian pengkaji iaitu mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional.

3.5.3 Kaedah Dokumentasi

Bagi pengkaji kaedah dokumentasi adalah sesuatu kaedah yang sangat penting dalam membuat kajian. Ini disebabkan maklumat yang diperoleh melalui hasil daripada pemerhatian pengkaji sendiri di samping temu bual yang dibincangkan bersama informan ketika pengkaji membuat kajian ini. Oleh itu, setiap dokumentasi yang pengkaji dapat akan dikumpul serta dicatat untuk memastikan maklumat tidak hilang supaya tidak menyukarkan pengkaji. Dengan ini pengkaji akan melakukan proses analisis kajian mengenai industri anyaman bakul di Kampung Pengkalan Gelap melalui catatan sumber yang diperoleh pengkaji.

Selain itu, pengkaji akan menggunakan kajian kerangka kerja berdasarkan tajuk kajian pengkaji bagi melancarkan urusan proses menganalisis kajian tersebut. Antara kerangka kerja iaitu mengenai bagaimana institusi tersebut dalam menguruskan sumber kewangan untuk mengkomersialkan produk tersebut yang juga memerlukan modal yang besar contohnya institusi berkenaan membuat promosi atau kempen yang diadakan setiap daerah demi memperkenalkan kewujudan produk tersebut kepada masyarakat.

Justeru itu, pengkaji juga ingin mencadangkan kepada pengusaha institusi itu melihat cara serta usaha yang dilakukan oleh organisasi luar dalam memperkenalkan produk kraftangan mereka seperti usaha kerajaan negeri Kelantan dalam menjaga produk mereka daripada hilang. Oleh itu, pengusaha institusi perlu melihat cara kerajaan negeri Kelantan mengadakan kempen dan promosi bagi memastikan produk seni warisan mereka agar dapat di kekal kepada pelapis pada masa datang supaya boleh melihatnya.

3.5.4 Temu bual

Dalam kaedah ini, temu bual amat penting bagi pengkaji dalam kajian supaya maklumat yang diperoleh adalah tepat. Oleh itu, temu bual ini akan dilakukan secara individu iaitu antara pengkaji dan orang yang di temu bual sahaja. Dengan ini, dalam kaedah temu bual terdapat dua bahagian iaitu formal dan tidak formal. Antara contoh temu bual secara formal iaitu pengkaji bersama pengusaha Nipah Craft Collection

manakala temu bual secara tidak formal iaitu pengkaji dengan pekerja yang merupakan seorang penganyam bakul di industri kraf tersebut.

Temu bual yang dilakukan secara formal pengkaji bersama pengusaha Nipah Craft Collection adalah bertujuan individu tersebut dapat memberikan maklumat secara personal dan tanpa gangguan daripada individu lain supaya maklumat yang diperoleh pengkaji tidak bercanggah. Jika dilakukan temu bual secara personal bersama pengusaha industri kraf tersebut dapat mengetahui secara terperinci mengenai sistem pengurusan hasil pengkormsialan kraftangan anyaman bakul di Kampung Pengkalan Gelap tersebut.

Selain itu, temu bual dilakukan adalah untuk mengetahui secara terperinci tentang perkembangan anyaman bakul di Terengganu dari awal pembuatan hingga hari ini yang merupakan sumber bernilai bagi pengkaji sebagai cabaran dalam pengkormesialan produk tersebut. Pengkaji juga ingin mengetahui tentang sejarah serta pembuatan anyaman bakul dan usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengekalkan anyaman bakul masih boleh bertahan sehingga sekarang. Adakah usaha yang dilakukan oleh pengusaha kraf ini bagi mengekalkan dan memperkenalkan produk anyaman bakul kepada masyarakat dalam Negara dan pelancong asing yang berkunjung ke Negeri Terengganu.

Seterusnya, pengkaji juga ingin mengetahui dengan lebih lanjut dan terperinci tentang jenis bahan yang digunakan, fungsi dan teknik dalam anyaman bakul untuk menghasilkan sesuatu produk yang menarik dan berkualiti. Oleh itu, hasrat pengkaji

dalam temu bual tersebut dapat kerjasama daripada informan-informan yang terlibat untuk memudahkan penyelidik mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat. Dengan ini, kerjasama yang diberikan oleh informan yang terlibat menentukan samada pengkaji berjaya atau tidak di dalam kajian yang dilakukan itu mencapai objektif kajian.

Justeru itu, pengkaji memberikan soalan-soalan yang berkaitan kepada pengusaha kraf Nipah Craft Collection terlebih dahulu untuk memastikan kaedah temu bual tersebut berjalan dengan jayanya. Pemberian soalan yang berkaitan terlebih dahulu ialah untuk beliau memahami tentang soalan tersebut dan untuk memastikan beliau dapat menyediakan jawapan yang tepat dan terperinci mengenai topik yang akan di temu bual supaya maklumat yang dibicarakan tersebut tidak tercicir dan pengkaji akan merakam sepanjang masa temu bual dijalankan melalui pita perakam suara supaya pengkaji dapat mendengarnya berulang-ulang kali bagi memastikan semua soalan telah terjawab.

Di samping itu, pengkaji juga mengambil gambar mengenai temu bual yang dibincangkan antara pengkaji bersama informan untuk menguatkan lagi kajian ini dan dijadikan sebagai bahan bukti mengenai kewujudan lokasi kajian dan semangat pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan tajuk kajian tersebut.

3.6 Instrumen Kajian

Dalam menyiapkan kajian ini dengan sempurna pengkaji telah menggunakan pelbagai instrument yang berkaitan mengenai kajian ini. Oleh itu, pengkaji menggunakan sebanyak mungkin instrumen sepanjang menjalankan kajian ini iaitu semasa mengadakan temu bual bersama informan, membuat pemerhatian dan dokumentasi.

Antara instrument yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan laporan ini ialah terdiri daripada perakam suara, kamera digital, computer dan juga peralatan menulis iaitu buku catatan khas serta pen.

3.6.1 Perakam suara

Dengan ini pengkaji menggunakan perakam suara semasa melakukan temu bual bersama pemberi maklumat. Hal ini, bertujuan untuk merekod maklumat yang diberitahu oleh pemberi maklumat supaya tidak berlaku kesilapan tongkok tambah semasa penulisan kajian supaya maklumat yang diperoleh itu menjadi bukti yang kukuh dalam penulisan kajian pengkaji.

3.6.2 Kamera digital

Pengkaji juga menggunakan kamera digital dalam menjalankan kajian ini bagi bertujuan untuk membuat pendokumentasian dengan mengambil gambar-gambar kajian untuk dijadikan sebagai bahan bukti bahawa pengkaji telah pergi ke lokasi kajian dan bahan bukti tersebut akan dikepulkan dalam lampiran. Ini kerana, pengkaji

berhati-hati supaya maklumat yang diperoleh tidak tercicir ataupun hilang ketika melakukan kajian ini.

3.6.3 Komputer dan peralatan menulis

Instrumen itu digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan tentang laporan penuh kajian apabila sekian lama maklumat-maklumat yang diperoleh dari informan akan dianalisis dan dikemaskinikan terlebih dahulu oleh pengkaji supaya maklumat tersebut adalah tepat. Oleh itu, apabila maklumat yang diperoleh pengkaji telah di siap ditulis dan menjadi satu bentuk laporan kajian yang telah lengkap maka mudah untuk dibaca dan disimpan oleh pembaca.

3.7 Kesimpulan

Bab ini membincangkan tentang kaedah-kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif dalam menjalankan kajian ini. Kajian penting untuk maklumat yang di inginkan oleh pengkaji supaya tidak berlaku kesalahan ketika penulisan kajian mengenai Pengkomersialan kraftangan anyaman bakul etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu oleh pengkaji.

BAB 4

ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perkara yang dibincangkan ialah hasil dapatan kajian maklumat-maklumat yang diperolehi semasa temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian merupakan hasil yang diperolehi sewaktu menjalankan kajian. Keseluruhan data yang diperolehi akan dikumpulkan dan diperjelaskan dalam bab ini. Dapatan kajian yang diperolehi merupakan hasil dari kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan temu bual.

Pemerhatian terhadap kajian kes telah dijalankan di Nipah Craft Collection, Kg Pengkalan Gelap Setiu Terengganu. Manakala, temu bual pula, telah dijalankan dengan menemubual tiga orang informan di Nipah Craft Collection. Setiap hasil dapatan kajian kes ini akan dinyatakan dalam bab ini.

4.2 Menganalisis Data

Bil	Nama	Jawatan	Umur	Pengalaman
1	Pn. Maimunah Binti Mohammad	Pembuat dan Penguasaha	50 Tahun	Lebih 10 Tahun
2	En. Abdullah Bin Embon	Pembuat dan Pengusaha	55 Tahun	Lebih 10 Tahun
3	Noor Aiffa Binti Abdullah	Pekerja	29 Tahun	5 Tahun

(Jadual Rajah Informan)

Penganalisan data ialah maklumat atau data yang telah diperolehi pengkaji semasa kajian ini dijalankan. Setiap maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada pemerhatian dan temu bual pengkaji oleh tiga orang informan iaitu Pn Maimun bt Mohammad, Abdullah Bin Embon dan Noor Aiffa Binti Abdullah. Hasil daripada temu bual ini, pengkaji dapat menjawab setiap objektif kajian.

a-Mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional.

b-Mengenal pasti punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul tradisional.

c-Mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkomersialkan anyaman bakul tradisional

4.2.1 Mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional

Mengenai faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional menurut pengusaha Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah Binti Mohammad adalah berdasarkan jenis saiz bakul tersebut. Pn. Maimunah juga mengatakan bahawa saiz bakul itu yang menentukan nilai harga sesuatu bakul di samping mengikut jenis corak anyaman yang digunakan pada bakul tradisional itu.

Selain itu, faktor lain yang menentukan nilai komoditi kraftangan sesuatu bakul menurut beliau adalah kualiti pada bakul tersebut. Oleh itu, kualiti merupakan salah perkara yang penting bagi menjamin nilai komoditi terus meningkat dari semasa ke semasa. Jika kualiti bakul itu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa maka permintaan dalam masyarakat untuk mendapatkan kraftangan bakul tradisional semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Di samping itu, harga bakul yang mengikut saiz ialah sebuah bakul di antara RM 10-20 bagi yang bersaiz 4 x 6 x 9. Harga tersebut sememangnya adalah berpatutan dalam ekonomi negara sekarang kerana sebuah bakul sebesar saiz tersebut mengambil masa lebih kurang dalam 30-40 minit untuk disediakan. Proses untuk menyiapkan bakul tradisional juga mengambil masa dari segi bahan-bahan yang diperlukan kerana bahan tersebut diperolehi daripada lidi pokok nipah yang memerlukan para pengusaha tersebut perlu pergi mencari lidi nipah di kawasan berpaya dan menyebabkan mengambil masa yang lagi lama kerana kesukaran untuk mendapatkannya.

Manakala saiz bakul yang bersaiz 7.5 x 5.5 x 5 berharga dalam lingkungan sekitar RM 40-65 sebuah berdasarkan corak yang digunakan pada bakul tradisional tersebut di samping mengambil kira tempoh yang diambil bagi menyiapkan sebuah bakul tersebut. Menurut Abdullah Bin Embon mengambil masa lebih kurang 1jam lebih untuk menyiapkan bakul yang sebesar tersebut dengan mengekalkan kualiti yang dikehendaki bagi memuaskan hati pelanggan yang sudi membelinya. Untuk menyiapkan sesebuah bakul setiap pekerja yang terlibat perlu teliti dan mempunyai kesabaran yang tinggi serta mempunyai kreativiti yang bagus untuk mempelbagaikan corak dan bentuk bakul mengikut peredaran zaman yang semakin moden bagi memuaskan dan menarik minat masyarakat untuk membelinya.

Seterusnya, pihak pengusaha juga perlu mempelbagaikan warna setiap bakul tradisional tersebut untuk mempertingkatkan lagi nilai komoditi yang terdapat pada sesebuah bakul itu. Menurut Abdullah Bin Embon itu sebagai salah faktor yang menentukan nilai komoditi setiap bakul yang akan diadakan pameran dan jualan kepada masyarakat umum.

4.4.2 Mengenal pasti punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul tradisional.

Berdasarkan objektif di atas, penyelidik telah mendapat maklumat melalui temu bual dari informan iaitu menurut Pn.Maimunah punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul tradisional adalah disebabkan perubahan minat seiring dengan peredaran zaman yang semakin moden telah mengubah corak

gaya hidup dalam diri generasi muda pada masa kini di mana lebih cenderung kepada gaya hidup ala-ala barat.

Selain itu, menurut Pn. Maimunah beliau mempelajari cara-cara pembuatan kraftangan sejak beliau berusia 17 tahun lagi. Pada masa itu, beliau mendapat pendidikan melalui nenek beliau yang mahir dalam pembuatan anyaman bakul yang berasal dari Kelantan. Namun, pada zaman sekarang golongan muda kurang berminat mengenai kraftangan disebabkan mereka telah mengikut jejak kedua ibu bapa mereka. Dengan ini, jika perkara tersebut dibiarkan begitu sahaja akan memberi masalah yang besar kepada industri kraftangan negara terutama di Terengganu.

Seterusnya, menurut Abdullah Bin Embon disebabkan masyarakat muda kurang berminat untuk menceburi diri mereka dalam pembuatan kraftangan telah menyebabkan kekurangan pembuatan kraftangan dalam negeri Terengganu. Beliau menyatakan bahawa seni kraftangan merupakan tradisi yang penting untuk diteruskan bagi menampung permintaan daripada pelancong yang begitu tertarik dengan kehalusan kesenian dan juga keunikan kraftangan tempatan di Terengganu terutama dalam produk anyaman bakul. Sepatutnya golongan muda seharusnya berasa bangga dengan warisan kesenian yang ada di negeri Terengganu.

Di samping itu, perkara yang menyebabkan masyarakat muda berminat dalam kegiatan kraftangan ialah ketika dalam proses pembuatannya yang sukar dan memerlukan kesabaran yang tinggi untuk mendapatkan hasil yang bagus dan berkualiti tinggi. Hakikat sebenarnya, dalam pembuatan kraftangan adalah untuk mendidik golongan

muda untuk lebih bersabar apabila berhadapan perkara yang sukar serta yang merosakkan semangat.

Daripada itu, masalah yang menyebabkan kraftangan kurang diminati masyarakat muda hari ini kerana mereka beranggapan setiap kraftangan tradisional sudah ketinggalan zaman dan hanya perlu berada di muzium-muzium sahaja. Hal ini kerana pihak-pihak yang bertanggungjawab sama ada dari sektor swasta dan sektor awam tidak menunjukkan komitmen dalam memartabatkan seni kraftangan tradisional. Dan juga generasi muda sekarang mendapat maklumat mengenai keistimewaan dan kelebihan seni kraftangan sehingga menyebabkan mereka gagal untuk mengenali budaya sendiri yang ada di tempat mereka.

Sehubungan dengan itu, pemikiran masyarakat muda yang moden pada masa sekarang yang ke arah mengumpulkan harta kekayaan untuk diri sendiri dan keluarga dan masa depan mereka. Selain itu, perkara yang menyebabkan masyarakat mudah kurang berminat dalam kraftangan tradisional terutama anyaman bakul kerana terlalu kurang dalam penganjuran pertandingan pembuatan kraftangan tradisional walaupun di bumi sendiri oleh pihak yang terlibat dalam bidang memartabatkan seni kraftangan kebangsaan.

Oleh itu, seni menghasilkan kraftangan tradisi tempatan khususnya di negeri Terengganu yang semakin kurang sambutan daripada golongan muda menyebabkan kebimbangan dalam golongan pengusaha kraftangan tempatan. Pada pendapat beliau golongan muda pada masa kini perlu diberi kesedaran tentang kepentingan kraftangan pada masa akan datang serta memberi tunjuk ajar dalam pembuatan kraftangan tradisi oleh pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga seni warisan dan perlu dipandang serius mengenai masalah ini.

4.2.3 Menenalpasti sejarah dan aktiviti anyaman bakul di Kg Pengkalan Gelap.

Sejarah anyaman bakul

Bakul merupakan sebuah anyaman kraftangan yang ditinggalkan oleh zaman nenek moyang yang terdahulu dan kini ia diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain mengikut peredaran masa yang semakin maju. Selain itu, Bakul ini juga diperbuat daripada bahan semula jadi iaitu menggunakan lidi nipah. Walau bagaimanapun, bakul pada hari ini dilihat sebagai sebuah kraftangan yang semakin sukar untuk didapati di pasaran.

Hal ini terjadi kerana disebabkan kurangnya pengusaha yang menghasilkan produk ini sehingga pengeluaran pasaran terhadap bakul semakin merosot dari semasa ke semasa. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu mengatasi masalah ini secepat mungkin dengan berkesan supaya generasi yang akan baru mengenali bakul tradisional ini dan tidak dilupakan.

Seterusnya, menurut Pn.Maimunah juga yang merupakan salah seorang tenaga pengajar di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) iaitu dari tahun 2000 hingga sekarang beliau menjadi tenaga pengajar disitu. Di samping itu, menurutnya lagi sejarah beliau terlibat dalam pembuatan anyaman bakul ini mula semenjak beliau berumur 17 tahun lagi.

Oleh itu, Beliau mendapat pendidikan terhadap pembuatan bakul ini daripada nenek beliau yang dahulunya berasal dari Kelantan. Munculnya rasa ingin menganyam bakul ini kerana beliau berasa sangat berminta terhadap aktiviti kraftangan iaitu bakul. Dari situ, bermulalah usaha beliau mempelajari dan membuat anyaman bakul sehingga ke hari ini.

Dengan ini, menurut Abdullah Bin Embon lagi, Pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memilih Kampung Pengkalan Gelap Sebagai salah satu unit pengeluaran kraftangan yang akan dimajukan di bawah projek satu Kampung Satu Industri (SDSI). Dengan peluang yang ada ini, beliau telah menubuhkan Nipah Craft Collection. Dari situlah bakul semakin dikenali oleh semua masyarakat yang bukan sahaja rakyat tempahan bahkan kini semakin mencipta nama di peringkat dunia.

Aktiviti yang dijalankan

Dalam kajian ini, melalui temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji dengan informan telah menjawab soalan pengkaji iaitu aktiviti peraksanaan yang telah dilaksanakan oleh pengusaha anyaman bakul iaitu dari segi aktiviti promosi, pasaran dan pengiklanan produk ini di pasaran. Aktiviti yang dilaksanakan ini bertujuan untuk

memperkenalkan bakul kepada semua lapisan masyarakat yang bukan sahaja terkenal dalam golongan tua bahkan memberi pendedahan terhadap golongan muda seperti remaja agar bakul tidak terus dilupakan kerana arus pemodenan masa.

Abdullah bin Embon merupakan pengasas Nipah Craft Trading, Kg Pengkalan Gelap Setiu Terengganu. Beliau antara informan yang telah ditemubual dalam kajian ini. Menurut informan, di Kg Pengkalan Gelap, Nipah Craft Trading adalah satu-satunya tempat yang membuat produk anyaman bakul. Selain itu, boleh dilihat bahawa pembuatan anyaman ini hanya wujud di Kg Pengkalan Gelap yang tidak wujud di tempat lain di Terengganu.

Di Nipah Craft Collection, pelbagai aktiviti yang dijalankan untuk pembuatan anyaman bakul. Nipah Craft Collection merupakan sebuah institusi yang membuat dan mengkomersialkan kraftangan yang menggunakan bahan utama iaitu lidi nipah untuk membuat bakul. Menurut informan, pada setiap tahun, mereka akan mengadakan Jualan Produk Kraf Anyaman Bakul (Nipah). Aktiviti penjualan ini adalah di bawah anjuran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Terengganu. Antara kawasan yang sering menjadi tempat penjualan dan promosi kraftangan ini pada setiap tahun ialah di Pantai Seri Keluang Besut, Terengganu.

Selain itu, sebagai seorang guru kraftangan anyaman bakul, Pn Maimunan telah diberi peluang mengadakan kursus kraftangan anyaman bakul di luar Negeri Terengganu. Kursus Kraftangan ini telah dijalankan pada 17 hingga 19 Jun 2013 di Negeri Johor. Aktiviti ini telah disertai oleh 20 orang peserta bertempat di Dewan Terbuka Kg

Belukar Durian, Johor. Aktiviti ini mendapat kerjasama oleh Unit Usahawan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Johor (PKMMCJ) dan KEJORA.

4.2.4 Menganalisis jenis-jenis dan fungsi bakul serta teknik pembuatannya dari awal pembuatan sehingga ke hari ini.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapat dapatan kajian mengenai jenis-jenis bakul tradisional yang terdapat di pengusaha Pn. Maimunah pada masa sekarang yang diminati oleh masyarakat setempat dan pelancong. Oleh itu, penyelidikan bukan sahaja mendapat maklumat mengenai jenis-jenis bakul tradisional malahan penyelidik mendapat maklumat dari informan iaitu berkaitan dengan fungsi bakul serta teknik pembuatan kraftangan tradisional ini dari proses awal pembuatannya sehingga ke hari ini. Dengan ini, melalui hasil temu bual dan pemerhatian pengkaji, pengkaji telah mendapati bahawa informan telah menjawab kesemua soalan yang dicemuhkan dengan tepat dan maklumat yang diperolehi ini diharap dapat membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian dengan sempurna.

Di samping itu, pengkaji sangat berbangga dengan informan tersebut kerana sudi membantu pengkaji dengan meluangkan masa walau pada masa tersebut juga agak sibuk dengan urusan beliau iaitu mengurus syarikat pembuatan kraftangan tersebut di samping itu, beliau juga sering kali ke luar negara bagi mengikuti kursus dan juga promosi memperkenalkan produk kraftangan tradisional beliau.

Seterusnya, Pn. Maimunah juga telah memberitahu bahawa pengusaha beliau menghasilkan pelbagai jenis bakul mengikut kehendak pelanggan yang datang membuat tempahan. Oleh itu, ketika pengkaji menjalankan pemerhatian di tempat pembuatan produk kraftangan tersebut terdapat pelbagai bentuk dan jenis kraftangan yang terdapat. Antara sebahagian jenis-jenis bakul dan produk kraftangan lain yang dihasilkan di pengusaha Nipah Craft Collection.

a) Jenis-jenis bakul



(Ruang Tamu Depan Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 25 Januari 2016, Sumber: Penulis)

Pn. Maimunah bersama hasil produk kraftangan beliau yang pelbagai jenis bentuk, warna dan saiz yang diperbuat daripada lidi nipah. Produk kraftangan tersebut merupakan sebahagian hasil selain bakul tradisional daripada syarikat beliau iaitu Nipah Craft Collection.



(Ruang Tamu Depan Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 25 Januari 2016, Sumber: Penulis)

Produk kraftangan yang telah dihasilkan oleh syarikat nipah craft collection iaitu bersaiz kecil bersama dengan produk kraftangan yang berlainan. Hal ini, menunjukkan bahawa pihak syarikat Nipah Craft Collection menghasilkan pelbagai produk kraftangan bagi menarik minat orang ramai untuk membeli produk tersebut.

Hasil daripada pemerhatian, dan temu bual informan telah memberi pendedahan kepada penyelidik terhadap jenis-jenis bakul yang wujud di sana. Pada hakikatnya informan iaitu Pn Maimunah tidak mengklafikasikan nama bagi jenis bakul yang telah dihasilkan kerana ia bergantung terhadap saiz lidi nipah yang dimiliki. Setiap bakul yang berjaya dihasilkan adalah mengikut idea anyaman beliau sendiri pada masa itu sehingga menampilkan bentuk sebuah bakul tradisional yang cantik dan berkualiti bagus dari segi kekemasan serta keseragaman.

Di Nipah Craft Collection jenis bakul terbahagi kepada beberapa saiz. Oleh itu, menurut Pengusaha nipah craft collection iaitu Puan. Maimunah dan Abdullah bin

Embon merupakan pengasas Nipah Craft Trading terdapat beberapa saiz yang telah dihasilkan oleh syarikat beliau. Antara saiz kebiasaan yang dihasilkan adalah 5.5 x 8 x 5 iaitu kebanyakan dalam kategori “Gourment and table”.

Selain itu, penghasilan produk kraftangan yang bersaiz 5.5 x 8 x 5 di pengusaha tersebut terdapat juga para pekerjaanya yang membuat produk kraftangan yang bersaiz iaitu saiz 4 x 9 x 6 yang di kategorikan sebagai “Gourment & Table” turut mendapat perhatian masyarakat untuk membuat tempahan pada masa sekarang walaupun negara makin maju melalui peredaran zaman yang mempunyai kraftangan tiruan yang di perbuat daripada bahan campuran. Tetapi sesetengah masyarakat sangat mementingkan kualiti dan keaslian dalam pembuatan sesuatu produk kraftangan tersebut.

Seterusnya, kebanyakan produk kraftangan yang dihasilkan di pengusaha nipah craft collection adalah dalam kategori “Gourment & Table” menurut Pn. Maimunah. Justeru itu, saiz yang dihasilkan juga berlainan, antara saiz lain yang telah pengkaji memberitahu sebelum ini ialah kraftangan lain yang bersaiz 5 x 11 x 6 turut dihasilkan. Daripada itu, setiap produk kraftangan di pengusaha nipah craft collection mempunyai “kod produk” tersendiri bagi setiap produk yang dihasilkan itu tidak bertukar dengan produk yang lain. Hal ini, merupakan kelebihan yang terdapat di nipah craft collection.

Selanjutnya, melalui satu risalah yang diberikan oleh Pn. Maimunah kepada pengkaji yang telah dikeluarkan oleh nipah craft collection terdapat beberapa jenis produk kraftangan yang dihasilkan disertakan sekali dengan saiz produk yang terdapat di

syarikat beliau. Antara saiz bakul tradisional yang dihasilkan oleh syarikat Pn. Maimunah adalah bersaiz 4 x 6 x 9 yang diperlu daripada lidi nipah dan corak yang terdapat adalah menyilang antara satu sama lain. Hal ini merupakan satu keunikan yang terdapat pada bakul tersebut walau bersaiz kecil.

Di samping itu, saiz kraftangan tersebut yang terdapat dalam risalah pada pemerhatian pengkaji ialah bersaiz 7.5 x 5.5 x 5 turut terdapat di syarikat tersebut. Bakul tradisional tersebut sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bekas meletak bunga tiruan yang dijadikan sebagai hiasan yang terdapat di ruang tamu, dalam bilik tidur, di tepi meja makan dan juga di bilik pembacaan. Selain itu, Bakul tradisional yang bersaiz juga sangat sesuai di letakkan di ruang pejabat dengan di hiasi bunga yang cantik-cantik dapat memberi keselesaan para pekerja ketika menjalankan tugas di pejabat tersebut.

Bagaimanapun saiz yang lebih besar sedikit daripada yang dinyatakan sebelum ini yang terdapat dalam risalah tersebut yang bersaiz 7.5 x 5 x 5.5 yang mempunyai tangkal yang merupakan sebagai pemegang. Bakul tradisional saiz seperti ini sangat sesuai dibawa kemana-mana sahaja kerana mempunyai pemegang yang cantik serta tidak terlalu besar dan boleh di letakkan apa-apa saja barang yang dibeli di pasar minggu ataupun di pasar malam. Justeru itu, ini merupakan keunikan dan kelebihan yang terdapat pada bakul tradisional yang dihasilkan oleh syarikat nipah craft collection daripada syarikat kraftangan yang lain.

b) Fungsi-fungsi bakul dahulu dan kini

Hasil temu bual pengkaji dengan informan, iaitu menurut Pn Maimunah yang merupakan pembuat bakul menyatakan bahawa bakul mempunyai pelbagai fungsi. Fungsi bakul ini dilihat berbeza mengikut arus pemodenan masa. Pada zaman dahulu iaitu ketika awal pembuatannya, bakul dihasilkan untuk tujuan kehidupan seharian. Masyarakat pada ketika itu, membuat bakul dan menggunakannya sebagai tempat meletak barang-barang keperluan dan juga dibawa ketika pergi ke pasar minggu oleh masyarakat untuk dijadikan bekas meletakkan barang yang dibeli di pasar tersebut.

Justeru itu, Kampung Pengkalan Gelap yang terletak di daerah Setiu, Terengganu adalah merupakan sebuah perkampungan yang kecil iaitu terletak di persisiran sungai yang ditumbuhi dengan pokok-pokok nipah. Oleh demikian, pokok nipah merupakan anugerah alam ini telah di manfaatkan oleh penduduk kampung tempatan dan salah seseorang nya ialah Puan. Maimunah merupakan pengusaha Nipah Craft Collection. Dengan ini, anugerah alam yang terdapat di kawasan tersebut telah menarik perhatian Puan Maimunah untuk membuka sebuah syarikat kraftangan yang berasaskan lidi nipah dengan menghasilkan produk kraftangan yang pelbagai jenis produk di syarikat beliau.

Produk yang dihasilkan oleh pengusaha Nipah Craft Collection menurut Pn. Maimunah adalah produk kraftangan seperti bakul tradisional, lekar, bekas hamper, “lamp shade” dan lain-lain produk kraftangan yang telah dihasilkan oleh syarikat beliau dengan menggunakan tumbuhan alam semula jadi iaitu lidi nipah. Oleh itu,

Pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memilih Kampung Pengkalan Gelap Sebagai salah satu unit pengeluar produk kraftangan yang boleh dimajukan iaitu di bawah projek “satu Kampung satu Industri Usaha”

Dengan kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh Pn. Maimunah dan Abdullah bin Embon dalam memartabatkan produk kraftangan tradisional daripada dilupakan oleh generasi muda sekarang yang disebabkan oleh era pemodenan yang semakin canggih. Disebabkan situasi tersebut telah ramai pihak kerajaan mahupun swasta membantu beliau dalam memajukan industri kraftangan tradisional tersebut.

Hal ini disebabkan produk kraftangan yang telah dihasilkan oleh syarikat berkenaan mempunyai banyak fungsi dan kelebihan yang tersendiri iaitu lain dari syarikat pembuat kraftangan yang lain manakala di pengusaha nipah craft collection menggunakan bahan-bahan tumbuhan alam untuk membuat produk kraftangan iaitu dengan menggunakan lidi nipah untuk membuat sesuatu produk tersebut tanpa perlu mengeluarkan modal yang banyak dalam proses menghasilkan kraftangan tersebut dan lidi nipah juga mudah didapati di kawasan tersebut.

Justeru itu, di bawah projek “satu Kampung satu Industri merupakan satu usaha kerajaan dalam memartabatkan kraftangan dan juga memperkenalkan di samping membuka minda masyarakat masa sekarang tentang keunikan dan kesenian yang terdapat kraftangan di negara ini. Selain itu langkah ini juga merupakan satu usaha untuk mempelbagaikan produk kraftangan serta mempertingkatkan industri ini yang dimiliki secara milikan keluarga kepada industri yang lebih sistematik dan mampu

mengeluarkan produk secara berterusan dan berkualiti tinggi di samping mempunyai pelbagai fungsi dan memerlukan kreativiti yang tinggi dalam pembuatan sesuatu produk kraftangan bagi menarik minat masyarakat untuk menceburi dalam bidang ini.

Fungsi bakul mula mengalami perubahan mengikut peredaran masa. Hal ini, bakul yang dulunya hanya digunakan untuk meletak barang-barang mula mengalami perkembangan. Perkembangan fungsi ini terbukti apabila sejarah awal bakul yang bermula di negeri Kelantan telah meluas dan boleh diperolehi di negeri-negeri lain seperti Terengganu dan Johor. Selain itu, menurut Pn. Maimunah, bakul tradisional bukan sahaja terkenal di Malaysia malahan mula mendapat sambutan oleh penduduk di luar Negara Malaysia iaitu di Negara Vietnam, Thailand dan Jepun. Bagi masyarakat di setiap negara tersebut mengenai bakul kerana mudah dibawa ke mana-mana sahaja dan sangat unik kerana masih mengekalkan keaslian dalam pembuatan bakul berkenaan dan bahan-bahan yang digunakan itu.

Di samping itu, pada masa sekarang bakul mula mendapat tempat di pasaran dalam masyarakat tempatan apabila kraftangan tersebut mula dinaiktarafkan dijadikan bekas untuk hantaran perkahwinan. Justeru itu, menurut Pn Maimunah dan Abdullah Embon lagi pada musim cuti persekolahan kebiasaan sebelum ini, pihak mereka akan didatangi oleh pembeli dan pengunjung yang ingin membuat tempahan bakul tradisional tersebut untuk dijadikan bekas hantaran perkahwinan anak-anak mereka iaitu seperti bekas telur dan bekas hantaran untuk mengisi barang hantaran. Tidak hairanlah jika pada kebiasaan yang lepas sebanyak 300 biji bekas telur yang telah

dihasilkan dan 20 bekas untuk barang hantaran yang ditempah oleh masyarakat tempatan dari daerah lain.

Di samping itu, selain masyarakat sekarang menjadikan bakul tradisional dijadikan sebagai bekas telur pada hari majlis perkahwinan dan juga bekas untuk barang hantaran kahwin. Menurut Pn. Maimunah juga memberitahu bahawa pihak Nipah Craft Collection juga telah inovasikan produk kraftangan bakul tradisional dijadikan bekas lampu meja membaca bagi masyarakat yang minat mengumpul barang-barang kraftangan tradisional.

Menurut Pn. Maimunah juga ada menyatakan bahawa ada sesetengah masyarakat pada hari ini menjadikan kraftangan sebagai hamper dalam sesuatu aktiviti yang melibatkan pertandingan aktiviti tradisional bagi membuka minda masyarakat muda tentang kepentingan dalam mengekalkan produk kraftangan bagi mengelakkan ia hilang dari negeri tersebut. Hal ini merupakan satu usaha untuk menarik minat masyarakat tanpa mengira umur agar berminat mendalami ilmu kraftangan tempatan supaya akan ada generasi baru dalam pengusaha pembuatan kraftangan di negara ini pada masa akan datang supaya masyarakat wujud pada masa tersebut dapat mengenali kraftangan ini.

Daripada itu, terdapat juga sesetengah pembeli yang datang berkunjung di Nipah Craft collection berminat untuk menjadikan bakul tradisional tersebut sebagai bekas pelapik barang cenderahati seperti hadiah di majlis-majlis dan temasya sekolah dan maktab-maktab di kawasan negeri Terengganu. Hal ini kerana memandangkan negeri Terengganu memiliki banyak institusi pendidikan di sekitar kg. Pengkalan Gelap

berkenaan. Justeru itu, permintaan terhadap bakul tradisional ini semakin meningkat dari bulan ke bulan dan fungsinya dilihat adalah pelbagai kegunaan pada zaman sekarang dapat digunakan oleh masyarakat.

Hal ini disebabkan Terengganu merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan keunikan dan keindahan pantai yang menarik, Terengganu telah menjadi sebuah Negeri yang semakin terkenal dalam kalangan masyarakat di seluruh negeri yang terdapat negara ini dan juga pelancong asing yang sering datang untuk melancong di Terengganu. Oleh itu, Golongan masyarakat ini bukan sahaja di dalam negeri bahkan pelbagai jenis pelancong dari luar Negara seperti Turki, Itali, dan China yang sering kali datang untuk melancong di negeri Terengganu.

Dengan ini, para pelancong sudah pasti akan membeli kraftangan bakul tradisional ini untuk dijadikan cenderamata untuk dibawa pulang ke Negara masing-masing. Hal ini, kerana mereka tertarik dengan keunikan bakul tersebut dari segi jenis corak yang terdapat pada bakul dan juga pelbagai jenis kraftangan bakul tersebut yang mempunyai pelbagai warna yang berlainan antara sebiji bakul berkenaan dan pelbagai saiz.

Selanjutnya, Abdullah Embon pula menyatakan bahawa selain fungsi di atas yang diterangkan setiap kraftangan yang telah dijadikan oleh masyarakat sekarang pelbagai fungsi yang digunakan. Dengan ini, masyarakat pada zaman sekarang telah banyak menjadikan barang kraftangan tradisional dipamerkan di ruang tamu rumah mereka. Perkara ini dapat menarik minat masyarakat lagi untuk mendapatkan barang

kraftangan disebabkan mereka melihat produk kraftangan yang dipamerkan di ruang tamu rumah jiran ataupun saudara mara mereka kunjungi itu.

Menurut Pn. Maimunah lagi, sepanjang mereka mengadakan jualan bakul di tempat-tempat pelancongan seperti di Pantai Seri Keluang, Besut Terengganu telah mendapat sambutan yang memberangsangkan apabila pelancong asing berminat untuk membeli produk kraftangan bakul untuk dibawa pulang ke negara mereka sebagai tanda ingatan bahawa mereka telah pernah datang berkunjung di Terengganu. Oleh itu, menurut Pn. Maimunah setiap harga bagi sebuah bakul yang dijual adalah bergantung pada saiz bakul yang dihasilkan oleh beliau. Dengan ini, sebagai contohnya bakul yang bersaiz besar adalah berharga antara RM40.00 manakala pula harga bakul yang bersaiz kecil berharga sekitar RM3.00 sehingga RM10.00 sebiji bakul yang dijual pada masa itu.

c) Teknik pembuatan bakul

Seterusnya, semasa sesi temu bual pengkaji juga ada bertanyakan tentang teknik pembuatan kraftangan bakul tradisional dalam penghasilan terhadap Pn. Maimunah. Oleh itu, Menurut Pn Maimunah iaitu guru kraftangan Malaysia, teknik pembuatan bakul ini tidak berubah meskipun bakul semakin mendapat pasaran kerana keunikan saiz dan reka bentuknya.

Dengan ini, teknik dalam pembuatannya kraftangan bakul tradisional tetap kekal kerana ia masih menggunakan lidi, gunting dan pemukul kayu untuk kekemasannya. Daripada itu, menurut Pn. Maimunah lagi telah ramai generasi muda pada hari ini yang berminat untuk mempelajari kaedah pembuatan dalam produk kraftangan bakulnya. Antara contoh generasi muda pada hari ini yang berminat untuk mempelajari dalam pembuatan kraftangan berkenaan iaitu kebanyakan golongan ini adalah daripada penuntut- penuntut dari Universiti seperti Universiti Teknologi Malaysia Terengganu dan Kelantan, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Pahang. Golongan ini berminat untuk mengetahui teknik-teknik pembuatan kraftangan tersebut kerana berkaitan dengan tajuk tesis mereka yang dibuat terhadap produk kraftangan itu.

Antara barang-barang yang diperlukan untuk membuat bakul ialah:



- Pengaut
- Gunting
- Daun nipah

(Ruang Tamu Depan Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)

Bahan-bahan di atas amat diperlukan untuk menghasilkan sesebuah bakul tradisional yang berkualiti yang tinggi dan bagus. Oleh itu, bahan-bahan yang digunakan perlu sentiasa dalam keadaan baik supaya para pekerja dapat menjalankan proses pembuatan kraftangan dengan lancar dan sempurna tanpa menimbulkan banyak masalah.

Dengan ini, setiap bahan yang berkaitan dalam proses penghasilan kraftangan bakul tradisional perlu cukup supaya dapat mengekalkan kualiti produk tersebut dan juga tidak perlu terlalu lama untuk menyiapkan produk kraftangan itu. Justeru itu, pihak Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah akan memastikan setiap bahan yang hendak digunakan dalam keadaan baik dan cukup sebelum memulakan memproses ataupun dalam pembuatan kraftangan bakul tradisional itu.

Teknik pembuatan bakul

- a) Pembuat kraf perlu mengambil daun nipah dan kemudian buang pada bahagian daun sehingga tinggal bahagian lidinya sahaja.
- b) Selepas itu, lidi nipah yang telah dibersihkan tadi dijemur terlebih dahulu sebelum dianyam.



(Ruang Depan Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)

- c) Selain itu, menurut Pn .Maimunah lagi untuk menghasilkan bakul sebanyak 72 urat lidi nipah perlu disusun dengan tiga bahagian bagi setiap satu bagi menghasilkan sesebuah bakul dan juga mengikut saiz yang dikehendaki.

d) Seterusnya, proses menganyam bakul. Setiap anyaman yang hendak dianyam oleh para pekerja haruslah mengikut kiraan / nisbah 3,2,2,1 sehingga siap.



(Ruang Tamu Depan rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)

e) Ini merupakan proses membuat patat (tapak) untuk bakul. Proses membuat patat adalah silang tiga bagi setiap urat lidi nipah tersebut.



(Ruang Tamu Depan Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)



(Ruang Tamu Depan Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)

Apabila bakul tradisional selesai dihasilkan maka proses memotong bahagian hujung lidi nipah yang lebih. Oleh itu, pengkaji sendiri memotong bahagian hujung lidi yang lebih tersebut supaya sesebuah kemas dan menarik. Ketika proses memotong bahagian lidi, setiap pekerja yang melakukan proses itu perlu berhati-hati dan juga memerlukan kesabaran yang tinggi supaya tidak memotong bahagian lain.

Selain itu, Pn. Maimunah juga menyatakan bahawa pada ketika inilah memperhalusi proses memotong dengan berhemah supaya tidak merosakan kraftangan tersebut disamping mengekalkan kualiti sesuatu produk kraftangan yang dihasilkan oleh syarikat beliau. Justeru itu, Pn. Maimunah amat mementingkan etika dalam kerja kepada pekerjanya bagi menjamin produk kraftangan dari syarikat beliau dapat bersaing dengan produk kraftangan syarikat lain. Hal ini, bagi mengekalkan keunikan

pada produk kraftangan bakul tradisional beliau yang menggunakan bahan-bahan alam semulajadi tanpa menggunakan bahan tiruan yang dilakukan oleh syarikat persaing.

- f) Apabila bakul siap dibentuk tibalah saat untuk memotong bahagian lidi yang lebih
- g) Kemaskan hujung lidi dengan menggunakan pengetuk kayu sehingga kemas.



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)

Pn. Maimunah sedang menghasilkan satu produk kraftangan daripada lidi nipah iaitu bakul tradisional yang bersaiz kecil. Beliau menyatakan bahawa pada ketika itu seseorang yang membuat kraftangan tersebut perlu teliti dan harus mempunyai tahap kesabaran yang tinggi serta kreativiti bagi menghasilkan corak ataupun motif pada kraftangan berkenaan agar produk tersebut nampak cantik serta berkualiti dan seterusnya dapat menarik perhatian orang yang melihat kraftangan itu.



(Ruang Tamu Depan rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber: Penulis)

- h) Selanjutnya, bakul yang siap dianyam dan dikemaskan dijemur terlebih dahulu supaya tahan lama dan cantik apabila diwarnakan.
- i) Akhir sekali bakul siap dihasilkan sedia untuk dijual dan dipamerkan apabila mendapat jemputan dari mana-mana pihak yang terbabit.

4.2.5 Analisis Sistem pemeliharaan bakul dari awal pembuatan sehingga hari ini.

Sumber ekonomi

Menurut Abdullah Bin Embon, wujudnya sumber ekonomi di Nipah Craft Collection yang memainkan peranan dalam usaha memelihara kraftangan ini agar terus berkembang. Sumber ekonomi yang dimaksudkan ialah kewangan yang mereka perolehi diagihkan untuk tujuan pemberian gaji terhadap pekerja dan pengagihan untuk pasaran seperti pameran dan promosi bakul. Sumber ekonomi adalah tunggak perkembangan institusi ini untuk memastikan kejayaan sesebuah industri berkekalan dan terus berkembang ke tahap yang lebih sempurna.

Menurut beliau lagi, kewangan untuk permulaan pembukaan Nipah Craft Collection ini diperoleh melalui bantuan Pihak Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia Cawangan Negeri Terengganu di bawah program Satu Kampung Satu Industri (SDSI). PKKMT telah memilih Kampung Pengkalan Gelap, Setiu iaitu Nipah Craft Collection sebagai salah satu lokasi program ini. Usaha yang dijalankan oleh PKKMT merupakan satu langkah untuk mempelbagaikan produk dan mempertingkatkan industri yang dimiliki secara milikan keluarga ini kepada industri yang lebih baik dan sistematik yang mampu mengeluarkan produk secara berterusan dan berkualiti tinggi.

Selain itu, menurut Muhammad Bin Embon lagi, beliau bukan sahaja memperoleh sumber kewangan daripada PKKMT bahkan Muzium Negeri Terengganu telah banyak membantu meningkatkan hasil pendapatan mereka. Antaranya kraftangan bakul telah dipamerkan di Muzium Negeri Terengganu dan Johor.

Menurut Pn Maimunah pada setiap awal bulan, pengarah Muzium Negeri Terengganu akan datang di institusi ini (Nipah Craft Collection). Kunjungan ini bertujuan untuk mengambil produk-produk anyaman yang baru disiap untuk penjualan dan promosi muzium di sana. Selain itu, Pn Maimunah juga selalu dipanggil untuk ke Muzium Terengganu bagi membuat bakul. Ia adalah untuk memberi peluang kepada pengunjung yang hadir di Muzium Terengganu melihat dengan mata kasar sendiri teknik-teknik anyaman bakul dan berpeluang belajar mengayum bakul di sana.

Menurutnya, dalam satu hari Pihak Muzium akan memberi gaji dalam anggaran RM800 sehingga RM900 untuk satu hari. Melalui usaha inilah Pn Maimunah meningkatkan lagi sumber ekonomi untuk meningkatkan lagi penjualan dan pembuatan bakul. Gaji pekerja diagihkan melalui sumber kewangan yang diperoleh ini. Ini kerana Pn Maimunah merupakan isteri kepada pengasas Nipah Craft Collection iaitu Abdullah Bin Embon. Secara tidak langsung, Pn Maimunah menjadi pendorong terhadap perkembangan kraftangan ini dan mendorong terhadap peningkatan sumber ekonomi di sana.

Sumber manusia

Menurut Puan Maimunah, di Nipah Craft Collection dari segi sumber manusia adalah wujud. Walau bagaimanapun, sumber manusia yang ada ini adalah terbatas. Ini kerana, pada awal proses pembuatan dan pembukaan Nipah Craft Collection, beliau mendapat ramai masyarakat yang berminat untuk menghasilkan bakul dan menjadi pembuat bakul untuk penjualan bakul di Nipah Craft Collection.

Keadaan globalisasi masa yang semakin berkembang ke arah menjana kewangan dan keuntungan telah menyebabkan tenaga mahir kurang lagi ditemui. Menurut Pn maimunah, tenaga pekerja semakin berkurangan kerana setelah mendapat ilmu dan kepandaian dalam teknik pembuatan lekor ini kebanyakan akan berhenti dan menjual sendiri dengan harga yang lebih menguntungkan.

Justeru Pn Maimunah dan Abdullah terpaksa mencari alternatif lain untuk mengekalkan tradisi ini. Menurut Pn Maimunah, kini usaha pembuatan ini mendapat

banyak bantuan daripada anak-anak mereka. Usaha ini berjaya meluaskan lagi pasaran mereka kerana idea-idea yang lama digabung bersama idea-idea generasi baru yang telah berjaya menghasilkan bakul yang pelbagai dan unik

4.2.6 Mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha Nipah Craft Collection dalam mengkomersialkan anyaman bakul tradisional

i. Pemasaran dan promosi

Semasa menjalankan kajian, pengkaji telah didedahkan dengan pelbagai usaha pemeliharaan bakul yang dijalankan oleh Nipah Craft Collection. Usaha yang dijalankan adalah meliputi pemasaran dan promosi di peringkat global.

Di bawah usaha pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, projek Satu Daerah Satu Industri telah dirangka. Hal ini adalah bertujuan sebagai memajukan perusahaan yang mampu menggerakkan ekonomi sesebuah daerah dengan memberi penekanan kepada penglibatan usahawan sebagai penjana industri desa. Selain itu, objektif utama penubuhan ini adalah menambah peluang untuk meningkatkan pendapatan dan mencipta sesebuah daerah melalui satu idea produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai ekonomi.

Dari segi pemasaran, menurut Abdullah Bin Embon pada setiap tahun Nipah Craft Collection, Setiu sentiasa berusaha mengembangkan lagi pasaran mereka melalui usaha program Jualan Produk Kraf Anyaman Bakul. Program ini dilaksanakan di

bawah usaha Balai Budaya Daerah Setiu. Program ini adalah salah satu usaha PKKMT untuk meningkatkan lagi sumber ekonomi di kawasan tersebut.

ii- Strategi promosi Nipah Craft Collection

Strategi utama yang digunakan oleh pihak Nipah Craft Collection untuk mempromosikan bakul adalah melalui publisiti. Oleh yang demikian pengunjung dan pengguna mendapat maklumat melalui media elektronik, dan media cetak.

Menurut informan, Nur Afifah Strategi promosi yang digunakan melalui media elektronik adalah melalui Radio Terengganu Fm, Kelantan Fm dan mendapat kerjasama televisyen RTM melalui program Komuniti Satu Malaysia dan dokumentasi harian. Menurut informan, apabila berlangsungnya program-program kraftangan mereka tidak terkecuali untuk dijemput menjayakan aktiviti tersebut. Program-program yang berlangsung akan disampaikan melalui radio dan televisyen untuk memberi pendedahan kepada peminat kraftangan menghadiri memeriahkan aktiviti tersebut. Melalui kaedah ini bakul di Kg Pengkalan Gelap di kenali ramai.

Manakala strategi promosi yang menggunakan media cetak pula ialah di keratin akhbar, majalah dan risalah yang diagihkan sendiri oleh institusi Nipah Craft Collection untuk pengunjung-pengunjung yang hadir. Harian Metro dan, Sinar Harian Terengganu selalu membantu institusi ini untuk mempromosikan kegiatan mereka. Pn Maimunah menyatakan bahawa setiap kali aktiviti yang berkaitan dengan kraftangan beliau selalu di temu ramah dan aktiviti pembuatan terhadap bakul.

Selain itu, di Harian Metro sendiri ada menampilkan beliau seorang usahawan yang berjaya dalam bidang kraftangan bakul. Kini bakul tidak asing lagi kerana pendedahan aktiviti ini semakin meluas dan diterima oleh masyarakat. Pengunjung yang datang ke Nipah Craft Collection juga diberi satu brochure tentang pengenalan bakul dan lokasi mereka untuk kemudahan bagi tempahan di majlis perkahwinan, sambutan hari guru dan sukan sekolah yang selalu membuat tempahan bakul untuk dijadikan bekas hantaran perkahwinan, bekas telur dan bekas untuk cenderahati.

Antara lokasi yang selalu dijadikan tempat mempromosikan bakul ialah di Muzium Negeri Terengganu, Muzium Negeri Pahang, Muzium Negeri Johor. Muzium Kraftangan dan promosi di luar Negara iaitu Vietnam. Walau bagaimanapun, sambutan yang diterima pengunjung terhadap promosi yang dijalankan kurang mendapat sambutan. Ini kerana masyarakat kurang berminat untuk melihat kraftangan sebaliknya generasi pada hari ini lebih meminati sesuatu yang moden.

Pihak-pihak yang terlibat dalam promosi yang dijalankan adalah melalui kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, KEJORA dan ramai lagi. Selain itu Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Terengganu juga merupakan antara perbadanan yang turut mengerah keringat mempromosikan kraftangan bakul dalam aktiviti promosi. Institusi ini secara tidak langsung akan bekerjasama dengan muzium-muzium lain selain Terengganu dalam menjayakan aktiviti ini.

4.3 Analisis cabaran dalam mempromosikan kraftangan bakul pada hari ini.

Semasa kajian penyelidikan di lokasi, informan menyatakan bahawa terdapat cabaran yang sering dihadapinya dalam usaha mengadakan aktiviti untuk promosi. Antaranya ialah cabaran dari segi sumber kewangan. Hal ini kerana, menurut informan, sesebuah aktiviti yang berkaitan dengan promosi memerlukan sumber kewangan yang banyak untuk memastikan program yang ingin dijalankan berjaya dengan baik.

Menurut informan lagi, walaupun beliau mendapat sokongan penuh dari badan-badan kesenian namun, wang yang diperoleh hanya mampu untuk menampung kos gaji pekerja, dan kehidupan seharian. Kewangan hanya diperoleh sekiranya jualan semasa promosi yang dilakukan mendapat sambutan yang menggalakkan pengunjung. justeru untuk mengatasi masalah ini, Pn Maimunah telah menyertai program promosi iaitu menjadi tenaga pengajar di Muzium Terengganu dan tenaga pengajar bakul yang secara tidak langsung membantu beliau mendapat wang daripada organisasi tersebut seperti KEJORA.

Selain itu, hasil temu bual penyelidikan dan informan juga, informan menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Nipah Craft Collection cabaran yang terpaksa dihadapi informan ialah kurangnya minat dalam kalangan golongan muda pada hari ini terhadap kraftangan warisan seperti bakul. Golongan ini pada hari ini lebih meminati sesuatu barangan yang lebih moden, seperti lebih mendalami dunia teknologi iaitu komputer dan telefon pintar dan kamera (NIKON) untuk memenuhi seharian mereka berbanding barangan tradisional.

Oleh yang demikian, pihak Kemajuan Kraftangan Malaysia telah membuka banyak cawangan di Malaysia bagi membantu kraftangan Malaysia dapat dipromosikan dengan lebih luas. Selain itu, Pihak PKKMM juga telah menghantar Pn Maimunah sebagai guru kraftangan Malaysia ke luar Negara Malaysia bagi menjadi tenaga pengajar penduduk-penduduk di Vietnam dan Burma selama seminggu pada tahun lalu. Seterusnya usaha pihak televisyen iaitu RTM turut membantu mengatasi masalah ini, iaitu program Komuniti Satu Malaysia memberi pendedahan kepada golongan muda supaya bergiat aktif dalam bidang seni. Pihak RTM juga ada memberi pendedahan kepada remaja yang berminat supaya mendaftarkan diri mereka di Nipah Craft Collection untuk menjadi ahli institusi tersebut.

4.4 Hasil dapatan Kajian

Dalam kajian kes ini, semua objektif seperti yang dinyatakan dalam bab 1 telah berjaya dicapai oleh pengkaji. Bagi objektif pertama penyelidik ialah mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional. Seterusnya, objektif kedua kajian ini ialah mengenalpasti punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul tradisional. Manakala objektif penyelidik ialah mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkormesialkan anyaman bakul tradisional. Disamping itu, penyelidik juga terus mengenal pasti sejarah dan penubuhan serta aktiviti anyaman bakul di Nipah Craft Collection. Dalam kajian ini penyelidik turut mengkaji fugs, jenis-jenis anyaman bakul dan teknik yang digunakan dalam penghasilan bakul. Bagaimanapun penyelidik juga turut meneliti jenis bahan dan kaedah yang digunakan dalam proses pembuatan produk kraftangan di Nipah Craft

Collection sejak dari awal penubuhan syarikat itu sehingga ke hari ini yang dicapai melalui hasil temubual dan pemerhatian di lokasi kajian.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa sejarah anyaman ini telah bermula sejak zaman nenek moyang yang terdahulu lagi. Bakul diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga ke hari ini. Teknik yang digunakan untuk menghasilkan bakul adalah tidak berubah dari awal pembuatannya sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun telah mengalami perubahan dari segi bentuk yang pelbagai mengikut saiz lidi nipah yang digunakan. Selain itu, bentuk-bentuk bakul yang dihasilkan digunakan untuk tujuan yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, pada hari ini bakul digunakan untuk pelbagai tujuan iaitu dijadikan sebagai bekas barang hantaran, barang perhiasan di ruang tamu, dan lampu meja. Dari segi promosi dan pasarannya pula adalah meluas kerana bukan sahaja tertumpu di dalam Terengganu sahaja, bahkan di seluruh negeri Malaysia. Selain itu, Nipah Craft Collection turut mendapat nama di luar Negara Malaysia seperti Vietnam dan Myanmar.

4.5 Kesimpulan

Dengan menganalisis secara keseluruhan data-data yang diperoleh hasil temubual pemerhatian dan dokumentasi, penyelidik mendapati hasil dapatan kajian yang diperoleh sesuai dengan objektif yang dikaji. Secara keseluruhan bab 4 ini iaitu dapatan kajian telah membuktikan bahawa wujudnya sistem pengurusan sumber manusia, kewangan, dan pemasaran di Nipah Craft Collection Kg Pengkalan Gelap, Setiu, Terengganu. Dalam bab 4 juga pengkaji dapat mengetahui masalah yang dialami oleh para pengusaha kraftangan untuk memartabatkan produk tersebut pada zaman sekarang yang semakin mencabar dari kewangan, dari pesaing yang mengeluarkan produk tiruan. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa para pengusaha telah mengambil yang bijak dengan mengadakan promosi dan pameran melalui anjuran Kementerian Kraftangan Negara Malaysia bagi mengatasi masalah tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka minda masyarakat yang ada sekarang tentang pentingnya memartabatkan produk kraftangan yang terdapat di negara ini yang di warisi oleh satu generasi ke generasi lain.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir di dalam kajian ini. Ia adalah mengenai rumusan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Semua maklumat dan data yang diperolehi daripada pelbagai sumber dimasukkan ke dalam bab satu hingga bab empat. Oleh yang demikian, bab lima ini akan menjelaskan tentang pendapat, cadangan, dan rumusan kajian penyelidikan terhadap kajian yang telah dijalankan yang mengambil masa selama satu tahun untuk disiapkan. Setiap cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan logik dan kesahihan hasil daripada metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik terhadap dapatan kajian. Cadangan ini akan menjawab setiap objektif dan permasalahan kajian pengkaji untuk melihat potensi bakul tradisional pada masa hadapan.

Rumusan kajian pula adalah berkaitan dengan kajian penyelidikan terhadap keseluruhan kajian yang dijalankan. Rumusan ini akan memberi penjelasan dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap kajian yang dijalankan. Di samping itu, kajian ini merumuskan mengikut hasil dapatan melalui bab satu hingga bab empat.

5.2 Rumusan

Secara kesimpulannya, kajian ini meliputi keseluruhan bab yang telah dikaji oleh penyelidik iaitu merangkumi keseluruhan bab satu sehingga bab empat. Bab satu menerangkan secara mendalam aspek-aspek yang berkaitan dengan tujuan kajian ini dijalankan, iaitu perkara penting yang dikaji penyelidik mengenai objektif kajian yang akan digunakan pengkaji untuk menyempurnakan persoalan kajian setelah kajian selesai dijalankan. Objektif kajian pengkaji yang pertama ialah mengenal pasti sejarah dan aktiviti anyaman bakul di Kg Pengkalan Gelap, Terengganu. Objektif yang kedua penyelidik dalam kajian ini adalah untuk mengkaji fungsi, jenis-jenis anyaman bakul dan teknik yang digunakan dalam penghasilan bakul. Objektif yang terakhir ialah meneliti sistem pemeliharaan anyaman bakul tradisional dari awal pembuatan sehingga ke hari ini.

Bab dua merupakan bab yang berkaitan dengan sorotan kesusasteraan yang telah membantu penyelidik menguatkan dan mengukuhkan lagi maklumat tentang kajian tersebut. Bab ini mengupas kembali idea-idea yang dikemukakan oleh beberapa pihak mengenai usaha untuk memelihara bakul agar terus berkekalan dek kerana arus pemodenan masa. Penyelidik menggunakan buku-buku yang dikumpul di perpustakaan. Ia bagi membuktikan bahawa tajuk kajian penyelidik belum dikaji oleh penyelidik sebelum ini. Walau bagaimanapun, penyelidik tidak hanya memfokuskan rujukan terhadap buku-buku sahaja. Walhal penyelidik turut menggunakan jurnal, laman web, artikel, petikan akhbar dan pamphlet yang berkaitan. Dalam kajian ini,

penyelidik lebih banyak melakukan rujukan buku yang berjudul “Anyaman” dan meningkatkan lagi pemahaman penyelidik terhadap kraftangan bakul di Terengganu.

Dalam bab tiga pula, penyelidik menjelaskan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam proses pengumpulan maklumat dan data. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan satu kaedah sahaja iaitu menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidik menggunakan kaedah ini kerana kesesuaian dengan tajuknya. Maklumat yang diperoleh, direkod, dirakam dan dicatat untuk penyelidik menyusun dan dokumentasi dalam analisa data. Kaedah ini penting untuk memastikan kajian berjalan dengan sempurna dan lengkap. Selain itu, metodologi kajian adalah langkah penting dalam kajian ini kerana menjadi alternatif dalam usaha mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Pada keseluruhannya, bab empat adalah bab yang mengupas tentang analisis dan dapatan kajian yang diperolehi penyelidik semasa menjalankan kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik telah menemubual Pn. Maimunah Bt Mohammad yang merupakan seorang guru kraftangan Malaysia, Abdullah Bin Embon, pengasas Nipah Craft Collection dan Nur Aiffa binti Abdullah pekerja dan pembuat bakul tradisional di Nipah Craft Collection . Oleh itu, pengkaji telah mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian supaya informan dapat memenuhi dan menjawab setiap objektif kajian dan persoalan penyelidik.

Selain itu, permasalahan kajian adalah sesuatu yang penting dalam kajian ini. Bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud di dalam kajian ini, penyelidik telah

menggunakan dapatan maklumat daripada bab satu sehingga bab empat dalam kajian ini. Dapatan kajian yang diperoleh penyelidik adalah berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

5.3 Cadangan

Cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi semasa melakukan temu bual bersama informan di pengusaha Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah terdapat beberapa orang lagi responden yang dilakukan secara spontan. Seterusnya, cadangan yang dikemukakan juga melalui penyelidikan dan pemerhatian pengkaji terhadap lokasi kajian tersebut. Dengan ini, tercetusnya beberapa idea dan cadangan yang diperolehi untuk semasa melakukan temu bual tersebut.

Di samping itu, idea lain yang di cadang adalah berdasarkan idea pengkaji sendiri. Dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan tajuk kajian dan diharapkan dapat membantu pihak pengusaha Nipah Craft Collection dalam pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tradisional etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Antara cadangan yang terdapat adalah seperti berikut:

5.3.1 Mengadakan pengiklanan dalam media cetak

5.3.1.1 Mengiklankan pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tradisional di Terengganu dalam surat khabar yang berbahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Melalui hasil temu bual dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji maka pengkaji mendapati bahawa salah satu cara untuk mengkomersialkan kraftangan anyaman bakul tersebut ialah melalui iklan dalam bentuk surat khabar adalah yang paling sesuai serta efektif dalam penyampaian mesej mengenai kraftangan anyaman bakul tradisional etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Di samping untuk memperkenalkan kepada masyarakat dari luar negeri Terengganu tentang kewujudan kraftangan anyaman bakul di tempat tersebut.

Bagaimanapun usaha yang dijalankan oleh pihak Nipah Craft Collection melalui strategi promosi adalah berkesan dengan mengiklankan dalam Utusan Online. Tetapi pengusaha Nipah Craft Collection perlu membuat penambahbaikan iklan dengan pengiklan anyaman bakul di dalam surat khabar dalam bentuk Bahasa Melayu dan Bahasa English kerana di negeri Terengganu majoriti rakyatnya adalah Melayu dan cina.

Oleh itu, pihak pengusaha Nipah Craft Collection perlu mengiklankan produk kraftangan anyaman mereka dalam Berita Harian, Metro Harian dan juga Sinar Harian kerana kebanyakan masyarakat tempatan lebih suka membaca surat khabar tersebut berbanding dengan Utusan Online yang memerlukan line internet untuk mendapatkan

maklumat tersebut. Di samping itu, pengasas Nipah Craft Collection juga perlu mengiklankan produk kraftangan mereka dalam bentuk Bahasa Cina.

Hal ini disebabkan di negeri Terengganu masyarakat cina merupakan masyarakat kedua teramai di negeri tersebut. Selain itu, untuk membantu Nipah Craft Collection mencapai matlamat dan objektif yang diinginkan dalam usaha mengkomersialkan produk kraftangan anyaman bakul di samping mempromosikan produk-produk kraftangan lain kepada masyarakat luar negeri Terengganu. Sebagai contohnya ialah kepada pelancong dari dalam dan luar negara yang datang ke negeri Terengganu terutama di Kampung Pengkalan Gelap dan juga kepada generasi muda bagi menarik minat mereka untuk meneroka industri kraftangan.

Oleh itu, iklan yang akan dipapar dalam setiap surat khabar perlulah kreatif dan berwarna bagi menarik perhatian masyarakat untuk membaca iklan tersebut. Justeru itu, secara tidak langsung dapat menarik minat masyarakat untuk pergi melihat produk kraftangan tersebut serta membelinya untuk dijadikan sebagai barang perhiasan atau kegunaan lain.

5.3.1.2 Pengiklanan melalui poster

Pihak pengusaha Nipah Craft Collection juga perlu mengadakan iklan melalui poster. Oleh itu, pengusaha perlu mengeluarkan modal untuk membuat poster tersebut dan poster berkenaan akan diletakkan di kawasan yang strategik iaitu kawasan yang menjadi tumpuan ramai supaya masyarakat dapat melihatnya dengan jelas. Hal ini, kerana

poster dapat menarik minat masyarakat umum yang datang ke negeri Terengganu termasuk pelancong dari luar negara. Dengan adanya poster setiap masyarakat dapat mengetahui tentang kewujudan pengusaha Nipah Craft Collection di Kampung Pengkalan Gelap.

Selain itu juga, poster akan diletakkan di kawasan tumpuan orang ramai, antaranya ialah sepanjang jalan raya, institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di pusat membeli belah. Hal ini, disebabkan poster tersebut dapat memudahkan sesiapa sahaja yang berminat untuk mendapatkan kraftangan bakul tradisional boleh menghubungi pihak pengusaha Nipah Craft Collection serta masyarakat berminat juga boleh pergi terus ke tempat pembuatan tersebut kerana maklumat yang lengkap mengenai kraftangan tersebut terdapat pada poster tersebut.

Seterusnya, apabila orang ramai yang melihat serta membaca poster kraftangan tersebut sudah pasti akan berlaku penghebahan mengenai kraftangan ini kepada saudara mara terlebih dahulu dan kemudian kawan-kawan mereka. Perkara ini merupakan salah satu pengaruh yang sangat kuat untuk ramai yang ingin tahu tentang keunikan kraftangan tersebut. Melalui teknik mulut ke mulut atau juga dikenali sebagai *verbal* adalah amat berkesan dan merupakan salah satu contoh cara mempromosikan yang dapat menarik orang ramai untuk pergi membeli barangan kraftangan tradisional yang dihasilkan oleh Syarikat Nipah Craft Collection.

5.3.1.3 Penggantungan *bunting* di sekitar negeri Terengganu terutama daerah setiu.

Pengusaha Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah perlu membuat pengiklanan melalui penggantungan *bunting* mengenai hasil produk kraftangan syarikat itu. Oleh demikian, pengkaji mencadangkan kepada Pn. Maimunah supaya memperbanyakkan penggantungan *bunting* di sekitar negeri Terengganu terutama di daerah setiu, sebagai contohnya *bunting* tersebut perlu digantung tempat yang sering dikunjungi oleh orang ramai iaitu di Bandaraya Terengganu, pasar payang, jalan raya, di dataran shah bandar Kuala Terengganu, dan pasar raya yang berdekatan.

Dengan ini, membolehkan masyarakat setempat bahkan masyarakat dari negeri lain yang datang melancong ke negeri Terengganu juga dapat mengetahui tentang kewujudan kraftangan bakul tradisional ada dijual di Nipah Craft Collection iaitu melalui penggantungan *bunting* tersebut. Hal ini, secara tidak langsung sesiapa yang datang ke negeri Terengganu mesti membeli produk kraftangan tempatan untuk di bawah balik dan dijadikan kenangan. Oleh itu, penggantungan *bunting* memudahkan para pelancong untuk membeli produk kraftangan tempatan.

5.3.2 Pengiklanan melalui media elektronik

5.3.2.1 Mengiklankan pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tradisional dalam media elektronik seperti televisyen dan radio.

Di samping itu, pengkaji mencadangkan kepada pihak Nipah Craft Collection supaya proses pembuatan bakul tradisional di kampung pengkalan gelap disiarkan melalui media elektronik seperti televisyen. Perkara ini adalah disebabkan siaran melalui

televisyen tentang penghasilan kraftangan tradisional bakul dan juga kraftangan lain di kampung pengkalan gelap kurang disiarkan di televisyen tentang mana-mana kraftangan tradisional yang terdapat di negara ini.

Oleh itu, disebabkan kurangnya siaran mengenai kraftangan di kampung pengkalan gelap menyebabkan ramai masyarakat tidak mengetahui tentang kewujudan kraftangan bakul tradisional di tempat tersebut dan tidak mendapat maklumat yang jelas mengenai penghasilan sesuatu produk kraftangan yang berlainan di pengusaha Nipah Craft Collection tersebut. Melalui siaran di televisyen juga dapat menarik minat masyarakat terutama di dalam kalangan masyarakat muda pada muda zaman sekarang yang banyak terdedah kepada alatan terkini yang serba canggih.

Di samping itu, ia juga dapat menarik masyarakat umum untuk pergi mengunjungi ke pengusaha Nipah Craft Collection bagi sesiapa yang berminat untuk membelinya sebagai barang perhiasan di dalam rumah mereka. Selain sebagai barang perhiasan di rumah mereka, bakul yang pelbagai saiz pada masa kini boleh dijadikan bekas hantaran kahwin bagi mencari kelainan dari orang lain.

Selanjutnya, pihak Nipah Craft Collection juga perlu bijak dalam pemilihan masa untuk melakukan pengiklanan adalah amat penting bagi menjalankan pengiklanan pengkomersialan kraftangan anyaman bakul tradisional etnik Melayu di Kampung Pengkalan Gelap di Terengganu. Dengan ini, pengkaji mencadangkan dan berharap pengiklanan tersebut dapat disiarkan dalam media televisyen pada masa perdana iaitu “prime time” serta ketika drama kegemaran masyarakat umum ditayangkan pada masa

tersebut bagi melancarkan pengiklanan tersebut supaya dapat mengkomersialkan kraftangan dengan jayanya dan dapat memberi kesedaran tentang keunikan tersendiri mengenai kraftangan tradisional tersebut.

5.3.2.2 Nipah Craft Collection perlu mengadakan promosi melalui teknologi maklumat iaitu laman web secara meluas.

Pn. Maimunah dicadangkan menjalankan promosi melalui teknologi maklumat iaitu laman web secara meluas disebabkan masyarakat zaman sekarang celik IT. Oleh demikian, zaman yang semakin maju dan canggih mengikut peredaran masa menyebabkan strategi promosi juga perlu berubah mengikut keadaan semasa amat penting dan perlu sentiasa dititikberatkan bahagian promosi di syarikat Nipah Craft Collection. Oleh itu, pihak bahagian promosi perlu menggunakan internet dalam mempromosikan produk kraftangan itu kepada masyarakat kerana merupakan salah satu strategi serta usaha dan juga merupakan kaedah pada masa sekarang dalam promosi tetapi perlu dilakukan secara meluas.

Hal ini, disebabkan masyarakat pada zaman sekarang serba canggih sentiasa menggunakan internet tanpa mengira faktor umur. Oleh itu, apabila masyarakat melihat laman web kraftangan Nipah Craft Collection mengenai hasil produk iaitu kraftangan bakul tradisional yang pelbagai saiz, bentuk, serta warna secara tidak langsung dapat menarik masyarakat untuk membeli kraftangan berkenaan. Melalui pengiklanan dalam internet merupakan kaedah yang sangat berkesan untuk menarik perhatian orang ramai. Dengan demikian, Pn. Maimunah perlulah sentiasa berfikiran kreatif ketika meletakkan gambar produk di laman web syarikat di samping itu juga

perlu mengemaskinikan maklumat mengenai produk kraftangan terbaru dengan lengkap serta tepat bagi memudahkan orang memahaminya.

Selanjutnya, Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah yang merupakan pengusaha perlu menyediakan ruangan untuk pelanggan yang ingin membuat tempahan ataupun pertanyaan mengenai produk kraftangan yang dihasilkan itu. Selain itu, pihak syarikat perlu meletakkan harga yang berpatutan apabila pelanggan melakukan pembelian secara online kerana dengan ini dapat mempercepatkan serta memudahkan lagi segala urusan bersama pelanggan. Secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai orang untuk membeli produk kraftangan syarikat ini dengan hanya melayari internet sahaja. Justeru itu, penghantaran produk kraftangan mestilah sampai kepada pelanggan pada tarikh yang telah ditetapkan dan produk tersebut dalam keadaan baik supaya tidak berlaku masalah kepada syarikat pada masa akan datang.

5.3.4 Bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat

Pada pendapat pengkaji untuk memajukan industri kraftangan di negara ini pihak kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat perlu memainkan peranan yang penting. Oleh itu, pihak kerajaan negeri Terengganu mahupun kerajaan pusat itu sendiri perlu menyediakan bantuan dalam bentuk wang ringgit ataupun peruntukan perbelanjaan dalam mengurus dan sebagai usaha pengkomersialan produk kraftangan di negara ini sebagainya contoh produk kraftangan bakul di Kampung Pengkalan Gelap, Terengganu.

Melalui bantuan peruntukan perbelanjaan kepada para pengusaha syarikat kraftangan secara tidak langsung dapat membantu pengusaha tersebut untuk memajukan produk kraftangan mereka. Di samping itu, pengusaha tersebut dapat menambah baik kualiti produk tersebut bantuan peruntukan kerajaan negeri ataupun pusat dari segi peralatan pembuatan untuk mempercepatkan dalam proses membuat sesuatu produk kraftangan tersebut supaya dapat menyiapkan produk tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Oleh demikian, pihak kerajaan terutamanya Kementerian Kraftangan Negara Malaysia perlu memainkan peranan penting dari pembiayaan kepada para pengusaha kraftangan golongan muda ataupun yang baru menceburi bidang kraftangan tersebut bagi membantu mereka dalam strategi promosi produk kraftangan tersebut. Hal ini, kerana disebabkan pembiayaan yang tinggi bagi menjalankan promosi dan mereka baru dalam bidang kraftangan ini dan memerlukan peruntukan dari wang ringgit dan juga dari segi tunjuk ajar.

Di samping itu, terutamanya pengusaha kraftangan golongan yang baru menceburi dalam bidang ini amat memerlukan bantuan daripada pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini. Golongan ini memerlukan bantuan terutama dari segi kewangan kerana mereka ingin mengadakan promosi iaitu promosi pengiklanan yang berbayar seperti televisyen. Dengan ini, diharapkan pihak kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat sentiasa meningkatkan peruntukkan bajet kepada pengusaha baharu terutama dalam bajet promosi. Oleh itu, untuk memartabatkan produk kraftangan di negara ini agak setanding dengan produk kraftangan antarabangsa, pihak kerajaan perlu membantu

pengusaha Nipah Craft Collection dalam bidang promosi di samping mengkomersialkan produk kraftangan bakul tradisional sangat memerlukan bajet yang tinggi.

5.3.5 Menghasilkan bahan-bahan rujukan iaitu buku, majalah, risa dan juga jurnal yang berkaitan dengan produk kraftangan syarikat Nipah Craft Collection.

Pada pendapat pengkaji mencadangkan kepada pihak nipah craft collection supaya menghasilkan katalog ataupun bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan produk kraftangan yang dihasilkan iaitu bermula pada awal proses penghasilan produk kraf tersebut sehinggalah terhasilnya sebuah produk kraftangan yang sempurna dan berkualiti serta mempunyai keunikan tersendiri dari syarikat lain.

Dengan menghasilkan bahan-bahan rujukan seperti di atas pihak Nipah Craft Collection di mana hasil daripada bahan-bahan rujukan itu boleh dijadikan bahan pameran semasa melakukan promosi. Di samping itu, nipah craft collection dapat membuat pameran di perpustakaan sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar negeri Terengganu melalui bahan rujukan seperti risalah, buku, jurnal artikel dan sebagainya yang berkaitan dengan produk kraftangan tradisional. Melalui pameran sedikit sebanyak dapat memupuk minat dalam kalangan pelajar sekolah tentang kepentingan memartabatkan produk kraftangan tradisional yang terdapat di negara ini.

Seterusnya, melalui penghasilan buku, jurnal, risalah dan bahan rujukan lain yang berkaitan produk kraftangan daripada nipah craft collection. Secara tidak langsung akan dapat memberi gambaran berkaitan dengan produk kraftangan yang dihasilkan oleh syarikat tersebut kepada masyarakat dan juga dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai kepentingan dalam memajukan kraftangan yang terdapat di negeri Terengganu terutamanya negara Malaysia. Buku-buku dan bahan pembacaan yang berkaitan dengan tersebut dapat dikomersialkan ataupun dijual di pusat membeli yang menjadi tumpuan ramai masyarakat tanpa mengira kaum.

5.3.6 Perlu mengadakan pakej agensi pelancongan bagi kursus dalam pembuatan kraftangan bakul tradisional di Nipah Craft Collection.

Pada pandangan pengkaji untuk memajukan lagi industri kraftangan di nipah craft collection adalah pihak syarikat tersebut perlu mengadakan pakej agensi pelancongan bagi kursus pembuatan kraftangan bakul tradisional bagi menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke negeri Terengganu terutamanya Kampung Pengkalan Gelap di syarikat Pn. Maimunah untuk mengikut kursus dalam pembuatan produk kraftangan tradisional itu. Oleh demikian pihak nipah craft collection perlu menyediakan lebih banyak kursus dalam membuat bakul tradisional terutamanya dalam kalangan masyarakat muda serta para pelancong yang berminat untuk mempelajari tentang kraftangan tradisional ini.

Selain itu, melalui cara tersebut juga ialah salah satu strategi pihak nipah craft collection untuk menarik perhatian masyarakat untuk menambah pengetahuan mengenai produk kraftangan yang dihasilkan oleh syarikat tersebut dan orang ramai dapat mencuba membuat sendiri cara-cara menghasilkan produk kraftangan yang berkualiti tinggi iaitu dengan mengikut beberapa peringkat. Dengan ini, secara tidak pihak nipah craft collection dapat mempromosikan produk kraftangan bakul tradisional iaitu melalui cara berkomunikasi dengan peserta yang mengikuti kursus ini di samping itu juga dapat berkongsi ilmu pengetahuan antara sama lain mengenai keunikan penghasilan kraftangan di syarikat tersebut.

5.3.7 Pihak Nipah Craft Collection perlu menghasilkan pelbagai jenis produk kraftangan selain bakul tradisional.

Seterusnya, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak nipah craft collection perlu menghasilkan pelbagai produk kraftangan selain penghasilan bakul tradisional. Pada pandangan pengkaji semasa membuat pemerhatian di syarikat tersebut pengkaji mendapati bahawa Nipah Craft Collection banyak tertentu dalam pembuatan bakul tradisional dan kurang menghasilkan produk kraftangan lain. Oleh itu, pihak syarikat tersebut perlu mencari alternatif baru dan perlu membuat perubahan dengan mempelbagaikan produk kraftangan yang diperlukan oleh masyarakat zaman sekarang. Sebagai contohnya pihak Nipah Craft Collection perlu menghasilkan alas cawan, bekas pencil, bingkai gambar dan juga produk kraftangan lain yang dirasa sesuai buat masa sekarang.

Justeru itu, hal ini disebabkan pada masa sekarang terdapat banyak pesaing dari dalam negara dan juga luar negara yang menghasilkan produk kraftangan yang hampir sama dengan syarikat Nipah Craft Collection pada pandangan pengkaji. Oleh itu, pihak syarikat tersebut iaitu Pn. Maimunah perlu berfikir lebih kreatif untuk menghasilkan produk kraftangan yang selain bakul tradisional itu. Dengan ini, secara tidak langsung pihak syarikat tersebut juga dapat mengkomersialkan hasil produk terbaru bersama dengan bakul tradisional. Daripada itu, pihak syarikat tersebut dapat merealisasikan misi dan visi syarikat dalam meningkatkan mengkomersialkan produk kraftangan tradisional bukan sahaja di negara Malaysia sahaja tetapi juga dapat berasing di peringkat antarabangsa.

5.3.8 Dari segi pengurusan sumber di Syarikat Nipah Craft Collection

Nama Pn. Maimunah sememangnya terkenal di Kampung Pengkalan Gelap yang merupakan seorang pengusaha dan pembuat kraftangan bakul tradisional di Nipah Craft Collection yang dibantu oleh pekerjanya. Namun, pada pandangan pengkaji mendapat bahawa di syarikat berkenaan masih kurang tenaga mahir dalam pembuatan produk kraftangan tersebut. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada Pn. Maimunah supaya menambah melatih lebih ramai tenaga mahir dalam bidang pembuatan kraftangan tersebut bagi meningkatkan pengeluaran hasil produk kraftangan bakul tradisional serta dapat mempercepatkan lagi aktiviti mengkomersialkan apabila dapat memenuhi permintaan pelanggan pada masa yang telah dijanjikan.

Daripada itu, semasa pengkaji membuat temu bual bersama pengusaha nipah craft collection iaitu Pn. Maimunah juga pernah memberitahu bahawa buat pada masa sekarang syarikat beliau masih kekurangan tenaga mahir dalam pembuatan produk kraftangan tradisional seperti dalam pembuatan bakul. Hal ini, merupakan salah satu masalah yang perlu dihadapi ketika melakukan promosi dan demo dalam pembuatan kraftangan tersebut di kalangan masyarakat. Mungkin ini merupakan salah satu punca kesukaran untuk mengkomersialkan produk kraftangan keluaran syarikat beliau.

Sehubungan dengan itu, masalah ini timbul adalah disebabkan oleh kurangnya sambutan dalam kalangan golongan muda pada masa sekarang yang berminat untuk belajar dan juga mengetahui mengenai industri kraftangan ini. Oleh demikian, untuk mengatasi masalah ini terus berlaku pihak yang berkenaan perlu mengadakan kursus yang lebih sistematik dan efisien supaya dapat menarik lebih ramai golongan muda untuk menceburi industri bidang kraftangan di negara ini. Perkara ini adalah untuk memastikan syarikat nipah craft collection mempunyai pekerja yang betul-betul mahir, yang terlatih dan juga mempunyai pengalaman dalam bidang ini supaya dapat menghasilkan produk kraftangan yang lebih berkualiti tinggi serta mempunyai kreativiti mereka reka bentuk produk yang terbaru supaya mendapat sambutan yang gempak kalangan masyarakat setempat dan antarabangsa.

5.3.9 Nipah Craft Collection perlu mengadakan pameran tentang kelebihan produk kraftangan bakul tradisional di institusi pendidikan tinggi iaitu di IPTA serta IPTS.

Selepas pengkaji meneliti keseluruhan syarikat Nipah Craft Collection mendapati pihak tersebut menjalin hubungan dengan institusi-institusi pendidikan tinggi di IPTA serta IPTS di seluruh negara ini terutamanya yang terdapat di sekitar negeri Terengganu. Sehubungan itu, di IPTA serta IPTS kebanyakan pelajar yang menutup di institusi tersebut adalah pelajar dari Sabah, Sarawak dan juga pelajar dari antarabangsa yang tidak mengetahui tentang kewujudan syarikat Nipah Craft Collection dalam bidang pembuatan kraftangan bakul tradisional.

Selain itu, pada pendapat pengkaji mengenai perkara tersebut dapat sedikit sebanyak menyemai minat kalangan anak muda agar berusaha untuk mengenali serta mengambil tahu tentang sejarah kewujudan kraftangan bakul tradisional di kawasan itu di samping mengkaji sendiri cara penghasilannya secara mendalam oleh syarikat Nipah Craft Collection itu. Pengkaji juga mendapat pandangan daripada rakan sekelas mengenai perkara ini dan memberitahu supaya pihak nipah craft collection sentiasa mengadakan program promosi dan pameran di institusi-institusi berikut agar dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat mengenai produk kraftangan bakul dan kraftangan lain yang dihasilkan oleh industri terbabit kepada pelajar dan orang awam yang datang ketika itu di institusi tersebut.

Hal ini kerana bagi pandangan pengkaji produk kraftangan bakul tradisional ini perlu dikomersialkan dengan cepat melalui promosi dan pameran di institusi-institusi berkenaan kerana amat membantu perkembangan produk industri kraftangan tradisional dalam pasaran sekarang. Daripada itu, pada pendapat penyelidik juga bahawa dengan mengadakan pameran di setiap pusat membeli belah di negeri Terengganu di samping itu, pihak Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah juga perlu bekerjasama dengan Terengganu Tourism Centre (TTC). Ketika pihak syarikat kraftangan Pn. Maimunah melakukan promosi dan pameran di pusat membeli di sekitar negeri Terengganu pada masa inilah yang paling sesuai untuk mengedarkan risalah tentang produk kraftangan yang dihasilkan oleh industri itu kerana tempat tersebut adalah merupakan tumpuan masyarakat.

5.4 Cadangan untuk kajian akan datang

Selepas menjalankan kajian mengenai “Industri anyaman Bakul Tradisional di Kg Pengkalan Gelap,” penyelidik mendapati bahawa masih terdapat kekurangan terhadap kajian tentang anyaman bakul. Oleh itu, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk pengkaji akan datang yang berminat terhadap kraftangan bakul. Antara cadangan yang ingin penyelidik kemukakan ialah:

Menganalisis tahap kepuasan bakul tradisional. Penyelidik memberi cadangan supaya penyelidik pada masa akan datang yang berminat dapat meneliti dengan lebih jelas dan terperinci tahap kepuasan pengguna mengikut saiz umur masyarakat pada hari ini.

Dalam kajian tersebut juga, penyelidik dapat menjelaskan faktor-faktor kepuasan pengguna terhadap kraftangan tersebut pada hari ini.

Selain itu, sepanjang kajian ini dijalankan penyelidik mendapati adanya ruang kekosongan terhadap penyelidik yang akan datang mengkaji sumbangan organisasi industri kraftangan terhadap usaha memartabatkannya di peringkat antarabangsa. Penyelidik mencadangkan pengkaji pada masa akan datang mengkaji tajuk kajian ini supaya pengkaji dapat memenuhi kekosongan ruang yang ditinggalkan penyelidik. Seperti yang diketahui, kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, KEJORA dan Balai Budaya di daerah Setiu sahaja yang selalu menyumbang terhadap perusahaan ini.

Selain itu, pengkaji akan datang juga dicadangkan mengenal pasti kaedah pendekatan dan pendedahan anyaman bakul di Nipah Craft Collection. Di dalam kajian tersebut, melalui kaedah pendekatan dan pendedahan anyaman bakul, pengkaji dapat mendokumentasikan dengan lebih terperinci produk ini terhadap masyarakat di dalam dan luar Negara yang bukan sahaja fokus terhadap masyarakat tempatan.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulan keseluruhan yang dapat dibuat oleh pengkaji melalui kajian ini adalah sangat memuaskan kerana Syarikat Craft Collection mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dan juga peranan syarikat tersebut dalam pengkomersialan produk kraftangan bakul tradisional sangat penting. Oleh itu, cara pengkomersialan kraftangan yang dilakukan oleh pengusaha Nipah Craft Collection adalah selaras dengan objektif pengkaji. Selain itu, pengkaji dapat mengetahui cara pengusaha nipah craft collection dalam mempromosikan hasil produk kraftangan mereka melalui keunikan yang terdapat produk tersebut yang lain dari pengusaha lain. Hal ini merupakan salah satu langkah bagi menarik minat masyarakat sekarang terutamanya masyarakat muda dan para pelancong dalam negara mahupun luar negara untuk membeli produk kraftangan tersebut dan juga untuk mendiaminya.

Seterusnya, pengkaji berharap setiap masyarakat di negara ini tanpa mengira umur dan jantina membuka minda mereka tentang pengkomersialan produk kraftangan bakul tradisional terutama masyarakat negeri Terengganu di Kampung Pengkalan Gelap. Perkara ini adalah untuk memastikan produk kraftangan bumiputera supaya terus berkembang dari semasa ke semasa agar produk kraf tersebut dapat dimajukan selaras dengan produk kraftangan tradisional di negara lain.

Selain itu, pihak Nipah Craft Collection juga perlu mengambil kira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji mengenai pengkomersialan produk kraftangan bakul tradisional supaya dapat bersaing seiring dengan produk kraftangan

lain. Dengan cadangan yang diberi oleh pengkaji mungkin sedikit sebanyak dapat meningkatkan nama dan imej Kampung Pengkalan Gelap terutamanya Negeri Terengganu akan didatangi ramai pelancong dari dalam negara serta luar negara dan juga dapat membuka mata masyarakat antarabangsa mengenai Negara Malaysia keunikan kraftangan yang dihasilkan. Di samping juga, pengusaha nipah craft collection juga disarankan menggunakan cadangan yang diberi pengkaji dengan sebaik mungkin mengenai cara pengkomersialan yang baik serta dapat diserapkan dalam proses pengkomersial produk kraftangan bagi menjamin ia berjalan dengan sempurna tanpa gangguan dari mana-mana pihak luar.

Secara keseluruhannya berdasarkan tajuk kajian yang dijalankan pengkaji terhadap syarikat Nipah Craft Collection adalah berjaya kerana menjawab keseluruhan objektif pengkaji yang sebelum ini mengenai faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional di negeri Terengganu. Seterusnya, pihak nipah craft collection telah menjawab objektif kedua iaitu tentang kenapa mengenal pasti punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul. Selain itu, pengkaji juga mendapati ketika melakukan temu bual bersama informan iaitu Pn. Maimunah telah menjawab objektif seterusnya iaitu pengkaji ingin mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkomersialkan anyaman bakul tradisional. Dengan ini pengkaji berharap bahawa pihak Nipah Craft Collection terus maju melalui produk kraftangan tradisional terutama dalam pembuatan bakul tradisional di samping produk kraftangan lain

RUJUKAN

- Ahmad, A. T. (2012). *Utara Semenanjung Malaysia, Esei-esei warisan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ariff, A. B. (2003). Sumbangan Petempatan Kampung Air Terhadap Pertumbuhan Bandar:Kajian kes Daerah Limbang, Sarawak. 41-65.
- E-man. (2008). *Siri Warisan Seni Kraf Anyaman*. Kuala Lumpur: Grand Art Printing & Packaging Sdn.Bhd.
- Ibrahim, I. (2009). *Warisan Motif dan Ayaman Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail, S. Z. (1989). *Percikan Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karisenan, U. N. (2007). Impak Pengkomersialan Seni Ukiran Kayu Iban Terhadap Di Sarawak, Kajian Kes : Daerah Lubuk Antu, Bhagian Sri Aman. 7-8.
- Kim, K. K. (2009). *Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara.
- Mansor Mohd Noor, A. R. (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Marzita Puteh, S. d. (2007). Pemikiran Saintifik dan Matematik dalam Kraf Anyaman Buluh Melayu Tradisional: Satu Kajian Kes. *Jurnal Peradaban Melayu*.
- Ngusman, M. d. (2003). Keterampilan Membuat Kipas Dari Anyaman Bambu Melalui Metode Proyek Anak Tunagrahita Ringan. 50-60.
- Osman, M. T. (1989). *Masyarakat Melayu, Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusrimelti. (2013). Meningkatkan Keterampilan Membuat Anyaman Kaset Melalui Alat Bantu Pemidang Bagi Anak Tunagrahita Ringan Kelas VI/C di SLB Yape Tarusan. *Jurnal Ilmiah Khusus Vol. 1*, 126-137.

Lampiran

BAHAGIAN: A

Soalan-soalan untuk sesi temuramah dengan pihak-pihak Nipah Craft Collection

Mengkaji faktor yang menentukan nilai komoditi kraftangan bakul tradisional?

Mengenalpasti punca masyarakat muda kurang berminat mempelajari seni anyaman bakul tradisional?

Mengenalpasti sejarah dan aktiviti anyaman bakul di Kg Pengkalan Gelap?

- *Sejarah anyaman bakul tradisional

- *Aktiviti yang dijalankan

Menganalisis jenis-jenis dan fungsi bakul serta teknik pembuatannya dari awal pembuatan sehingga ke hari ini?

- *Jenis-jenis bakul

- *Fungsi-fungsi bakul dahulu dan kini

- *Teknik pembuatan bakul

- *Barang-barang yang diperlukan untuk membuat bakul

Analisis Sistem pemeliharaan bakul dari awal pembuatan sehingga hari ini?

- *Sumber ekonomi

- *Sumber manusia

Mengetahui usaha yang dilakukan oleh pengusaha untuk mengkomersialkan anyaman bakul tradisional?

*Pemasaran dan promosi

*Strategi promosi Nipah Craft Collection

Analisi cabaran dalam mempromosikan kraftangan bakul pada hari ini?

BAHAGIAN: B

Gamabar-gambar yang berkaitan dengan kraftangan Nipah Craft Collection



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 25 Januari 2016, Sumber:

Penulis)

Pengkaji sedang temu bual bersama pengusaha Nipah Craft Collection iaitu Pn. Maimunah Binti Mohammad mengenai produk kraftangan bakul tradisional. Disamping itu, terdapat beberapa kraftangan dihadapan pengkaji dan Pn. Maimunah.



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016,

Sumber: Penulis)

Pekerja syarikat Nipah Craft Collection iaitu Cik Noor Aiffa Binti Abdullah sedang membuat tapak bakul tradisional yang memerlukan kesabaran yang tinggi serta perlu teliti supaya tidak berlaku kesilapan. Hal ini, apabila berlaku kesilapan pada tapak bakul tersebut maka menyebabkan kualiti produk tersebut terjejas.



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016,
Sumber: Penulis)

Pn. Maimunah sedang memberitahu kepada pekerjaanya iaitu Cik Noor Aiffa Binti Abdullah tentang membuat tapak bakul tradisional dengan kaedah yang betul untuk memudahkan kerja menganyam bakul pada peringkat akhir. Selain itu, untuk mengekalkan kualiti pada bakul tersebut supaya dapat bertahan lebih lama.



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber:
Penulis)

Pn. Maimunah begitu teliti dan sabar dalam proses pembuatan ktaftangan anyaman bakul tradisional bagi mengekalkan kualiti produk itu supaya tidak melakukan kesilapan dalam proses tersebut



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber:
Penulis)

Bahagian tapak bakul tradisional yang hampir siap dibuat oleh Cik Noor Aiffa Binti Abdullah yang memerlukan ketelitian dan kesabaran beliau.



(Ruang Tamu Depan Rumah Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016, Sumber:
Penulis)

Pn. Maimunah sedang melakukan pemilihan lidi nipah yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan utama bagi membuat produk kraftangan bakul tradisional.



(Luar Halaman Rumah Pengusaha Nipah Craft Collection, 10 Februari 2016,
Sumber: Penulis)

Manakala pekerjaanya iaitu Cik Noor Aiffa Binti Abdullah sedang memotong bahagian lidi nipah yang tidak sesuai untuk digunakan dalam pembuatan bakul tradisional.

timur

ARKIB : 01/12/2008

Kraf tangan lidi dapat sambutan

SETIU 30 Nov. Barangan kraf tangan seperti lekar dan bakul hantaran pengantin yang diperbuat daripada lidi nipah mendapat sambutan yang baik di kalangan orang ramai termasuk pelancong asing kerana keunikannya.

Barangan itu yang dihasilkan oleh isteri-isteri nelayan di Kampung Pengkalan Gelap dijual dengan harga antara RM2 hingga RM10 seunit bergantung kepada saiznya.

Seorang penjual kraf tangan, Siti Esah Awang berkata, kebanyakan pelancong membeli kraf tangan berkenaan kerana tertarik dengan keunikannya.

Sebagai contoh katanya, lekar lidi nipah adalah antara barang kraf tangan diminati pelancong kerana pembuatannya yang begitu halus, unik dan sukar didapati sekarang.

Ada juga di kalangan mereka yang membeli peralatan ini sekadar untuk di simpan di rumah sebagai perhiasan, katanya ketika ditemui di gerainya di Kampung Pengkalan Gelap di sini baru-baru ini.

Siti Esah berkata, keindahan kraf tangan yang dihasilkan menyebabkan ada di kalangan pelancong asing membeli dua atau tiga unit kraf tangan sekali gus untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Menurut beliau, sekiranya perusahaan itu dihentikan, generasi sekarang mungkin tidak mengetahui lidi daun nipah boleh memberi pendapatan sampingan kepada mereka yang berminat untuk mengusahakannya.

Boleh dikatakan saya dapat menjual lekar, bakul hantaran dan lidi di gerai saya antara 10 hingga 20 biji setiap hari, ujarnya.



Siti Aishah menyiapkan anyaman bakul daripada lidi daun nipah di Kampung Pengkalan Gelap Setiu Terengganu, baru-baru ini.

ARKIB : 01/12/2008

Rezeki daripada pokok nipah

Oleh ADNAN MOHAMAD

SETIU 30 Nov. - Rimbunan pokok nipah yang tumbuh di pesisiran sungai di daerah ini bukan saja berfungsi sebagai penghalang hakisan pantai, malah turut memberi rezeki kepada keluarga nelayan di sekitar kawasan itu.

Dengan adanya pokok berkenaan, mata pencarian masyarakat nelayan tidak lagi hanya tertumpu kepada aktiviti menangkap ikan, udang, ketam, lokan dan kerang.

Sebaliknya, pohon-pohon nipah yang hidup di tanah bencah memberi pendapatan tambahan kepada kaum nelayan yang rajin mengusahakan pelbagai barangan daripada pokok itu.

Daun nipah misalnya bukan sahaja amat penting kepada masyarakat tradisional kawasan itu untuk dijadikan atap rumah mereka.

Ia juga menjadi sebahagian rezeki bagi kaum wanita yang membuat rokok daun daripada pucuk nipah.

Selain itu, lidi serta daun nipah boleh dijadikan barangan kraf tangan seperti lekar, tudung saji, terendak, bakul dan penyapu.



ROHANI LAHADI bersama barangan kraf tangan daripada lidi daun nipah yang dijual di gerainya di Kampung Pengkalan Gelap, Setiu, Terengganu.
- Gambar ADNAN MOHAMED

Pendek kata, pokok nipah yang hidup bertemankan pokok bakau di hutan paya air masin itu banyak manfaat serta boleh mendatangkan pendapatan bagi mereka yang berminat atau rajin mengusahakannya.

Seorang penduduk Kampung Pengkalan Gelap, **Siti Esah Awang**, 38, berkata, kerja-kerja membuat barangan kraf tangan seperti lekar dan bakul boleh memberi pendapatan antara RM250 hingga RM300 sebulan.

Menurutnya, bahan penting untuk pembuatan kraf tangan itu adalah lidi muda daripada pucuk daun nipah.

"Lidi muda ini bagi memudahkan kita membentuk serta menganyamnya kerana jika lidi tua digunakan, ia mudah patah dan menyebabkan barangan dihasilkan tidak tahan lama.

"Daun nipah senang diperoleh di tepi-tepi sungai sekitar kampung Pengkalan Gelap serta Kuala Setiu," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Siti Esah yang berkecimpung dalam industri pembuatan kraf tangan itu sejak sembilan tahun lepas berkata, dia perlu menyusuri kawasan paya dengan perahu untuk mendapatkan daun nipah.

Berikutan kehalusan seni kraf tangannya, ibu kepada enam anak itu yang terlibat sepenuh masa dalam aktiviti berkenaan sentiasa diundang oleh Perbadanan Kraf tangan Negeri Terengganu untuk membuat demonstrasi menganyam di majlis anjuran perbadanan itu.

"Pada setiap majlis yang disertai, saya dan beberapa rakan dari kampung ini akan memberi tunjuk ajar cara membuat barangan kraf tangan daripada pokok nipah kepada orang ramai," ujarnya.

Seorang isteri nelayan, **Nora Nordin**, 38, juga melibatkan diri dalam pembuatan rokok daun nipah untuk menambah pendapatan keluarga.

Khamis, 13 Mei 2010

anyaman Nipah



Di Kampung Pengkalan Gelap terdapat satu industri anyaman lidi nipah. Di kampung ini kaya dengan tanaman pokok nipah dan mudah diperolehi. Selain daripada itu, pokok kelapa juga



banyak terdapat disini & buahnya boleh dibuat cenderahati. Buah ini dibuang isinya untuk dijadikan tempurung bagi menghasil rekaan yang cantik. Produk ini boleh dibuat lampu.



Kak Za atau Maimun bt Muhamad pengusaha anyaman lidi nipah yang aktif banyak menghasilkan kraftangan yang berasas pokok nipah. Di antara hasil anyaman ialah seperti



bekas untuk meletak barangan, lidi, atap nipah, bekas gelas dengan pelbagai size & warna. Harganya ialah dari RM5 hingga RM25 sebiji bergantung pada size.

